



● BIL 261 ● 10 - 16 MEI 2024 ● PP19441/12/2018 (035014)

WILAYAHKU

www.wilayahku.com.my



MISI ANWAR MULA MEMBUAHKAN HASIL

Solusi berharga demi penduduk Hulu Langat
>> 5

Jururawat kerjaya yang mulia
>> 8

LISC 2024 julang Labuan di persada antarabangsa
>> 9-11

Jemaah Menteri bincang isu pembangunan berlebihan

Perlu selari dengan infrastruktur sedia ada

AZLAN ZAMBRU

MASALAH pembangunan berlebihan melibatkan kekurangan infrastruktur sokongan di satu-satu kawasan pembangunan mendapat perhatian dan telah dibincangkan di peringkat Mesyuarat Jemaah Menteri.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan) **Dr Zaliha Mustafa** berkata setakat ini pendirian kerajaan adalah memastikan setiap projek pembangunan yang telah diberikan kebenaran Perintah Pembangunan (DO) perlu diselenggarakan dengan infrastruktur yang sedia ada di kawasan itu.

"Menerusi setiap pembangunan yang telah diluluskan ia perlu dan mesti mehngambil kira isu kesesakan jalan raya dan parkir selain itu, kelulusan itu perlu meneliti keperluan terhadap infrastruktur sokongan seperti institusi pendidikan, kemudahan kesihatan yang turut diambil kira," katanya kepada *Wilayahku* selepas menghadiri Majlis Sambutan Hari Raya anjuran Yayasan Wilayah



ZALIH

Persekutuan di ibu negara baru-baru ini.

Zaliha berkata Kuala Lumpur kini turut menghadapi masalah pembangunan yang telah lama dan perlu distruktur semula memandangkan ia telah menjangkau lebih 50 tahun.

"Dalam keadaan tersebut, Kuala Lumpur perlu distrukturkan semula kecuali jika ia dibangunkan semula. Terdapat kawasan-kawasan yang telah dikenal pasti untuk program pembangunan semula, namun projek tersebut memerlukan belanja yang besar dan membabitkan proses yang lama.

"Jadi untuk untuk jangka masa singkat dalam menyelesaikan masalah kesdesakan jalan raya dan parkir, ia sangat mencabar namun tidak boleh dijadikan alasan untuk tidak dilaksanakan," katanya.

Berhubung permintaan Ahli Parlimen Wangsa Maju, Zahir Hassan yang mewakili Ahli-Ahli Parlimen Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur agar Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) memaklumkan

kepada mereka mengenai pra kelulusan DO, Zaliha berkata mereka telah mempunyai dua mesyuarat berbeza yang diadakan berkala bersama menteri dan Datuk Bandar Kuala Lumpur untuk mengemukakan aduan mengenai apa jua masalah dan pembangunan di dalam kawasan yang diwakili.

"Untuk Mesyuarat Majlis Menteri Wilayah Persekutuan, ia diadakan pada setiap empat bulan bersama dengan menteri dan perbincangannya berkisar kepada isu dasar dan ia hanya boleh diselesaikan melalui peringkat Menteri Wilayah Persekutuan.

"Mesyuarat Konsultasi Datuk Bandar Kuala Lumpur dijadualkan setiap bulan dan Ahli Parlimen atau wakilnya dijemput ke mesyuarat berkenaan bagi mengajukan sebarang masalah berkaitan dengan kemudahan awam di kawasan yang diwakili mereka," katanya

Dalam pada itu, Zaliha berkata sesi pendengaran awam selama dua bulan setengah berhubung Deraf Pelan Tempatan Kuala Lumpur (PTKL) 2040 yang terbuka kepada semua pemegang



taruh di Kuala Lumpur melibatkan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) seperti persatuan penduduk, orang perseorangan dan organisasi lain telahpun tamat.

"Dalam tempoh tersebut, DBKL menerima lebih 10,300 jumlah aduan, teguran dan input untuk penelitian terhadap Deraf PTKL 2040.

"Sekarang ini tiba masa untuk jawatankuasa khas yang terdiri

daripada pakar-pakar dan profesional seramai 35 orang untuk meneliti setiap input atau komen atau dapatan daripada sesi pendengaran awam itu tadi.

"Apapun tentang pembangunan ini ia sangat bergantung kepada pelan tindakan yang kita gariskan untuk tempoh 20 tahun akan datang," katanya.

PM berjiwa besar tidak sisihkan pembangunan negeri pembangkang

PENDEKATAN Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim mengumumkan pembangunan seluruh negara termasuk di empat negeri yang dikuasai pembangkang menunjukkan sikap jiwa besar pemimpin Kerajaan Perpaduan itu dalam menguruskan negara.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan) **Dr Zaliha Mustafa** berkata perubahan ketara dalam Kerajaan Persekutuan di bawah pentadbiran kini mengambil kira kepentingan rakyat yang memerlukan pembelaan.

"Pendekatan yang diamalkan oleh pimpinan-pimpinan kerajaan adalah memastikan setiap rakyat dibela dan mana-mana negeri mestilah dibantu termasuklah menyalurkan peruntukan dan pembangunan untuk kesejahteraan seluruh rakyat.

"Selain itu, ia selari dengan gagasan Malaysia MADANI yang tidak mengabaikan rakyat meskipun negeri Kelantan, Terengganu, Kedah dan Perlis dikuasai pembangkang kerana ia tetap mempunyai hubungan langsung dengan Kerajaan Persekutuan," kata beliau ketika ditemui *Wilayahku* selepas Majlis Semarak Aidilfitri Bersama Media di Kuala Lumpur pada Selasa.

Jelas Zaliha sikap dan amalan jiwa besar yang ditunjukkan Perdana Menteri itu merentasi fahaman dan ideologi kepartisan



SIKAP berlapang dada dan berjiwa besar yang diamalkan Perdana Menteri membuka lembaran baharu politik negara yang mementingkan pembangunan saksama demi keadilan sejagat

malah turut menyalurkan peruntukan besar dalam membantu menyelesaikan masalah legasi yang membelenggu negeri berkenaan berpuluh tahun lamanya.

"Ketika lawatannya ke Kelantan sebelum ini, beliau telah memperuntukkan sejumlah RM500 juta kepada negeri tersebut untuk membantu mengatasi masalah bekalan air bersih kepada rakyatnya.

"Perdana Menteri juga telah meluluskan peruntukan untuk menaik taraf landasan hingga 400 meter bagi memberikan penarafan antarabangsa terhadap Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra (LTSIP) yang boleh merintis lebih banyak peluang ekonomi sekali gus dapat membantu rakyat di Kelantan.

"Malah lawatan di Kedah juga memberikan kesan positif dengan kelulusan banyak projek

pembangunan khususnya di kawasan luar bandar," katanya.

Tambah Zaliha, sudah pasti amalan berjiwa besar itu dipraktikkan bagi memastikan rakyat di negeri terbabit turut menikmati pembangunan yang sewajarnya.

Dalam pada itu, Zaliha menyeru kepada semua pemimpin politik yang bersama kerajaan mahupun memilih haluan berbeza untuk bersikap adil terhadap

Perdana Menteri dengan tidak menyebarkan berita ke media sosial yang bersifat fitnah.

"Di dalam berpolitik, semua pihak mesti mengutamakan dan mengangkat nilai politik yang selari dengan kehendak Islam.

"Ia termasuklah sekiranya ada perkara baik yang dilaksanakan oleh Perdana Menteri, semua pihak wajar menyatakan sokongan. Kita perlu tunjukkan kebaikan walaupun dengan musuh politik bukan dengan menceritakan perkara yang tidak wujud yang kemudian menjadi fitnah khususnya kepada Perdana Menteri," katanya.

Ujar Zaliha, negara sebelum ini telah melalui episod malang apabila mempunyai kerajaan yang tidak stabil sehingga tidak ada pelaburan masuk ke Malaysia.

"Pelabur akan melihat dan menilai mengenai kestabilan politik, jika serangan dan fitnah terhadap Perdana Menteri ini tidak dihentikan, ia akan berpanjangan dan akan menyebabkan kerugian kepada rakyat dan negara," katanya.

Beliau turut menyeru semua ahli politik pembangkang untuk mengamalkan politik matang dengan mengemukakan teguran secara baik dan membina serta meninggalkan amalan cacian dan hinaan terhadap mana-mana pihak.

Kenaikan gaji penjawat awam

PM pacu naikkan lantai ekonomi rakyat

SYED HAZIQUE

PELBAGAI sektor terus memainkan peranan serta menyumbang kepada pertumbuhan dan pembangunan ekonomi di Malaysia.

Negara telah menunjukkan daya tahan dalam menghadapi cabaran ekonomi global, dengan tumpuan untuk menggalakkan pertumbuhan mampan dan menarik pelaburan asing.

Malah, kerajaan memainkan peranan penting dalam membentuk dasar ekonomi dan memacu inisiatif untuk meningkatkan prestasi ekonomi.

Malaysia telah mengalami pertumbuhan ekonomi yang stabil sejak beberapa tahun, disokong oleh sektor seperti pembuatan, perkhidmatan dan pertanian.

Negara juga berjaya mencapai kemajuan yang ketara dalam perindustrian dan penggunaan teknologi, yang telah memacu pembangunan ekonominya.

Dengan penekanan yang kuat terhadap inovasi dan keusahawanan, Malaysia telah meletakkan dirinya sebagai pemain yang berdaya saing dalam pasaran global.

Ketua Ahli Ekonomi Bank Muamalat Malaysia Bhd, **Dr Mohd Afzanizam Abdul Rashid** berkata kenaikan gaji sektor awam mampu memberi impak yang positif terhadap ekonomi negara.

"Kalau kita lihat, sudah lama tiada kenaikan gaji sektor awam, justeru ia sudah tiba masanya. Dalam masa sama ia juga mampu memberi sumbangan positif atau signifikan kepada pertumbuhan ekonomi negara.

"Bila ada kenaikan maka kuasa beli akan meningkat, ini memberi satu aktiviti yang baik dalam pasaran ekonomi domestik, yang mampu meningkatkan pasaran ekonomi negara secara


AFZANIZAM

KENAIKAN gaji dapat meningkatkan kuasa beli rakyat.

meluas," katanya ketika dihubungi *Wilayahku*.

Menurut Mohd Afzanizam, ia juga akan meningkatkan produktiviti syarikat yang akan melancarkan lagi dasar-dasar pembangunan negara.

"Apabila gaji ditingkatkan, kuasa beli akan bertambah, ekonomi juga akan bergerak aktif yang turut mengembangkan ekonomi domestik.

"Malah ia juga mampu meningkatkan produktiviti kerja, sebagai pemangkin semangat untuk terus memberikan perkhidmatan terbaik, di samping melancarkan aktiviti ekonomi dan urusan negara bagi dasar-dasar pembangunan negara," jelasnya.

Tambah beliau, Perdana

Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim juga cakna terhadap masalah dihadapi rakyat pada masa sama mengembangkan ekonomi demi kelangsungan hidup dan pembangunan negara.

"Kerajaan juga faham, dengan beberapa cukai baharu diperkenalkan, pengurangan subsidi, ini sedikit sebanyak menambah perbelanjaan negara, daripada situ, duit tersebut disalurkan semula kepada rakyat.

"Dalam masa yang sama, kerajaan sedar dengan pertumbuhan ekonomi domestik ini juga mampu meningkatkan perkembangan ekonomi negara," katanya.

Jelas Mohd Afzanizam, pelbagai lagi bantuan serta inisiatif yang dilaksanakan untuk menggalakkan rakyat berbelanja.

"Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) juga

mengumumkan pengenalan Akaun 3 bagi pengeluaran fleksibel, kenaikan Sumbangan Tunai Rahmah (STR) dan pelbagai lagi inisiatif yang telah atau sedang dilaksanakan.

"Faktor utamanya adalah untuk memacu perbelanjaan domestik dalam kalangan pengguna. Di situ kerajaan menjaga baik pasaran ekonomi domestik," ujarinya.

Kata beliau lagi, apabila ekonomi mula bergerak aktif, ia menunjukkan perkara positif yang dapat menarik minat pelabur asing untuk melakukan pelaburan dalam negara.

"Secara jangka panjang juga, bila ekonomi terus aktif sudah pastinya negara mempunyai kuasa kewangan yang kukuh, ia sekali gus menarik minat pelabur asing untuk terus melabur.

"Selain merencanakan ekonomi, faktor tersebut juga akan

meningkatkan daya saing dan pelabur untuk membeli instrumen kewangan seperti pasaran saham, bond dan macam-macam lagi," katanya.

Malahan jelasnya lagi, ia juga dapat meningkatkan nilai ringgit itu sendiri.

"Kita tahu kekuatan nilai ringgit juga bergantung kepada pelbagai faktor, namun, perkembangan ekonomi ini mampu menarik minat pelabur, menggerakkan atau mengembangkan ekonomi yang mampu memainkan peranan kekuatan ringgit itu.

"Walaupun nilainya akan sering berubah kerana faktor luaran namun, saya percaya negara berada di landasan tepat dengan perkembangan ekonomi negara dan kesejahteraan atau kelangsungan hidup rakyat," ujar beliau. 📌

Inisiatif kerajaan beri kelegaan kepada masyarakat

RAKYAT meluahkan reaksi positif terhadap segala inisiatif yang dilakukan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim bagi membantu kelangsungan hidup ketika ekonomi yang tidak menentu serta peningkatan kos sara hidup masa kini.

Kesungguhan Perdana Menteri jelas membuktikan kesungguhan beliau mahu menghapuskan miskin tegar sekali gus memberikan rakyat kuasa beli di samping memacu ekonomi negara ke arah yang lebih baik pada masa hadapan yang mampu menarik minat lebih

ramai pelabur antarabangsa di saat ekonomi dunia yang kurang stabil.

Tinjauan *Wilayahku* mendapati orang ramai berpuas hati dengan inisiatif seperti kenaikan gaji penjawat awam, kemudahan Akaun 3 Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), dasar gaji progresif serta peningkatan


AKMAL

FIRDAUS

Sumbangan Tunai Rahmah (STR).

Kakitangan kerajaan, **Mohammad Akmal Zaiful Azman** berkata keputusan menaikkan gaji penjawat awam adalah langkah

progresif diambil kerajaan untuk membangun kelestarian ekonomi negara.

"Langkah ini bukan sekadar meningkatkan pertumbuhan

ekonomi, tetapi taraf hidup penjawat awam dan membantu mengurangkan tekanan kewangan yang dialami terutama dalam konteks kelangsungan hidup.

"Masa kini ramai yang dibebani dengan peningkatan kos sara hidup, saya percaya, dengan kenaikan gaji ini juga memberi kami kelebihan untuk berbelanja.

"Langkah-langkah yang diambil Perdana Menteri itu juga dilihat akan membawa impak positif terhadap pertumbuhan ekonomi," katanya lagi.

Dalam pada itu, peniaga

restoran, **Mohd Firdaus Mohd Rozis** terus menyokong usaha yang dilaksanakan kerajaan dan percaya ia mampu merencanakan ekonomi.

"Sebagai peniaga, kita hanya tertumpu kepada kuasa beli orang ramai, bila orang ramai beli, maka banyakkah permintaannya, daripada situ akan merencanakan ekonomi domestik terutamanya.

"Pada saya, ia antara langkah terbaik di dalam membangunkan ekonomi negara di samping membantu mengurangkan beban kos sara hidup yang menghimpit rakyat masa kini," ujarinya. 📌

Tuduh PM gagal stabilkan ekonomi

Microsoft labur RM10.5 bilion

PELBAGAI usaha dilakukan kerajaan dengan memberi tumpuan terhadap penstrukturan semula ekonomi agar hasilnya dapat diagihkan kepada rakyat.

Kerajaan MADANI yang dipimpin Perdana Menteri (PM), Datuk Seri Anwar Ibrahim semakin jelas dengan hala tuju sekali gus lebih menjamin kualiti hidup masyarakat.

Kebijaksanaan beliau memperkukuh hubungan dengan negara luar menyaksikan pelbagai pelaburan asing berjumlah puluhan bilion berjaya dibawa masuk ke negara ini membantu mengukuhkan nilai ringgit.

Namun, masih terdapat rungutan daripada pihak yang tidak pandai untuk mensyukuri hasil kerja keras kerajaan dengan mendakwa PM hanya pandai berkata-kata tanpa membuktikan keberhasilannya.

Segelintir golongan ini bijak memainkan isu negatif untuk menarik minat pihak lain untuk memburukkan kerajaan selain menutup mata biarpun pelbagai kejayaan telah pun terbukti dalam menaikkan ekonomi negara.

Terbaharu satu lagi pencapaian yang membanggakan apabila Microsoft, sebuah syarikat gergasi perisian komputer mengumumkan pelaburan berjumlah AS\$2.2 bilion (RM10.5 bilion).

Pelaburan dalam tempoh empat tahun itu diumumkan ketika kunjungan hormat Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif Microsoft, Satya Nadella di Putrajaya, baru-baru ini.



ANWAR menerima kunjungan hormat Satya di Putrajaya baru-baru ini.

“Satya memaklumkan bahawa gergasi teknologi Microsoft bersetuju untuk menambah pelaburan berjumlah AS\$2.2 bilion (RM10.5 bilion) dalam tempoh empat tahun mendatang,” tulis Anwar di laman sosial Facebook.

Beliau turut memaparkan dan berkongsi gambar pertemuan dengan Satya. Sudah pasti ia adalah perkongsian yang amat membanggakan. Malah hasil daripada pelaburan tersebut bakal melimpah serta dinikmati oleh setiap rakyat negara ini.

Pelaburan tersebut meliputi pembangunan sistem dan infrastruktur awan, kecerdasan buatan (AI) serta mewujudkan peluang kemahiran AI untuk tambahan 300,000 orang.

Difahamkan jumlah itu adalah pelaburan terbesar pada satu-satu masa oleh Microsoft sejak bertapak selama 32 tahun di Malaysia.

“Malaysia menyambut baik keputusan pelaburan ini yang membuktikan keyakinan mereka kepada asas ekonomi negara yang kukuh, dasar-dasar yang jelas dan

terarah, selain mesra pelabur dan kestabilan politik.

“Pelaburan ini selari dan akan menjadi pendukung utama kepada fokus kerajaan dalam membangunkan kapasiti AI dalam negara,” katanya.

Nampaknya satu persatu pelaburan masuk ke dalam negara, ia bukan sahaja petanda keyakinan syarikat-syarikat gergasi dunia terhadap Malaysia, malah memperlihatkan jalan semakin cerah untuk masa depan negara ini. 🇲🇾

Jangan timbulkan spekulasi tidak berasas

MINGGU lalu negara digemparkan dengan tindakan individu melampau yang menyimbah asid kepada pemain bola sepak kebangsaan, Mohd Faisal Halim.

Selain itu, dalam kejadian berasingan pemain sayap Terengganu FC (TFC), Akhyar Rashid juga turut diserang individu tidak dikenali sehingga mendatangkan kecederaan kepadanya.

Susulan dua kejadian itu, ramai yang mengecam pihak tidak bertanggungjawab yang sanggup melakukan tindakan tidak beradab dan zalim tersebut.

Malah di media sosial, isu ini terus diperkatakan dan pelbagai andaian muncul sehingga terdapat segelintir pihak yang sewenang-wenangnya mengaitkan kejadian tersebut ada berkaitan dengan pihak kerajaan.

Tidak dapat dipastikan tujuan dakwaan tersebut namun yang pasti ia hanyalah fitnah yang sengaja direka untuk kepentingan tertentu yang dibimbangi akan mewujudkan sentimen negatif jika terus dibiarkan.



PELBAGAI spekulasi timbul ekoran insiden yang menimpa dua bintang Harimau Malaya ini. - Gambar hiasan

Tampil memberi reaksi berkaitan perkara itu, Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail

mengingatkan orang ramai supaya tidak melakukan sebarang spekulasi berhubung insiden menimpa dua bintang Harimau Malaya tersebut.

MENARIK WILAYAHKU



KUALA LUMPUR

8 - 12/5/24: Asian Mountain Bike Championship 2024 @ Taman Cabaran Putrajaya

19/5/24: Generali Malaysia Run 2024 @ Dataran Putrajaya

1/3 - 31/5/24: Project Temporary Marking @ Balai Seni Negara

16/6/24: Kuala Lumpur 10K Race 2024 @ Conquer The City



PUTRAJAYA

8 - 12/5/24: Asian Mountain Bike Championship 2024 @ Taman Cabaran Putrajaya

19/5/24: Generali Malaysia Run 2024 @ Dataran Putrajaya

27/7/24: Ecotrail Putrajaya

1 - 31/10/24: Jom #BEATNCDS 2024



LABUAN

17 - 19/5/24: Pesta Buku Labuan 2024 @ Ujana Kewangan

15/9/24: Pearl Of Borneo Run 2024 @ Labuan International Sea Sport Coomplex

28/1 - 30/6/24: Labuan Diving Festival 2.0

DIKENALI sebagai seorang figura yang tegas, Yang Berhormat (YB) MOHD SANY HAMZAN sentiasa komited dalam memastikan masa hadapan penduduk Hulu Langat terjamin.

Sentiasa dekat di hati penduduk kawasan tersebut, sejak dilantik sebagai Ahli Parlimen Hulu Langat, pelbagai masalah dapat diatasi sekali gus beliau begitu disenangi ramai.

Bagi menyelami sisi hebat sosok tersebut, wartawan *Wilayahku*, SYED HAZIQUE NOR sempat menemu ramah YB Sany seterusnya mendengar pengalaman dan fokus utama sepanjang berkhidmat di Hulu Langat.



Solusi berharga demi Hulu Langat

Apakah cabaran yang dihadapi YB sepanjang berkhidmat sebagai Ahli Parlimen di sini?

Walau di mana sahaja pasti ada cabaran serta rintangan yang perlu dihadapi. Sebagai seorang wakil rakyat yang membesar di sini, saya dekat dengan penduduk serta memahami situasi atau apa jua masalah yang dihadapi oleh mereka.

Soal aduan, masalah yang dibangkitkan penduduk, kita ada jalur-jalur yang dibawa selain kerjasama dengan agensi bagi mencari jalan penyelesaian jangka pendek dan panjang.

Antaranya terdapat juga masalah kekurangan

sekolah, kerana sekolah yang sedia ada sudah terlebih kapasitinya, saya meminta pembinaan sekolah baharu di beberapa kawasan bagi memudahkan urusan pembelajaran pelajar-pelajar.

Seterusnya juga masalah banjir, umum sedia maklum kes banjir besar yang berlaku beberapa tahun dahulu, saya bersama pasukan serta agensi-agensi kerajaan negeri dan persekutuan giat membangunkan semula pelbagai infrastruktur.

Selain membina tebing yang lebih tinggi, kita turut membaiki jalan yang rosak dan sebagainya.

Itu adalah antara cabaran yang perlu dihadapi, ia sukar namun tidak mustahil untuk saya bersama pasukan menyelesaikannya demi memberikan kesenangan hidup kepada penduduk di sini.

Apakah fokus utama YB dalam membangunkan kawasan Parlimen Hulu Langat?

Bercakap tentang soal pembangunan, saya amat menekankan tentang pembangunan di sekolah

terutamanya infrastruktur sekolah itu sendiri.

Kita penuhi atau bantu kekurangan yang dihadapi kerana pelajar-pelajar inilah yang akan mengubah nasib keluarga, menjadi pemimpin masa hadapan.

Selain itu, kawasan Hulu Langat ini amat berdekatan dengan ibu negara, selain Putrajaya, KLIA, Cyberjaya, justeru, orang ramai juga mula mencari rumah untuk didiami di sini.

Pada masa sama, ia juga meningkatkan produktiviti rakyat.

YB dilihat amat menekankan aspek pendidikan, apakah jenis bantuan atau peruntukan yang telah YB lakukan kepada sekolah-sekolah di sekitar Hulu Langat?

Dengan pendidikan seseorang itu mampu mengubah nasibnya sendiri termasuk keluarga, malah



SANY/sememangnya terkenal dengan sifat mesra rakyat.

dengan ilmu juga mampu memberi manfaat kepada semua pihak termasuk negara.

Kita diberikan peruntukan kira-kira RM2 juta setiap tahun melalui Program Mesra Rakyat (PMR) oleh Perdana Menteri.

Justeru dari situ juga, kita bahagikan dana tersebut dengan membangunkan kawasan sekolah, melaksanakan majlis, malah kerajaan negeri juga menyediakan pelbagai inisiatif buat pelajar-pelajar terus berusaha menimba ilmu. Ilmu juga boleh menjadi pelindung kita satu hari nanti di samping manfaat kepada pihak lain juga.

Bagaimana pula bantuan kepada penduduk di sini?

Melalui peruntukan itu juga kita salurkan kepada kesemua kira-kira 50 buah kampung, rukun tetangga masjid, surau, rumah ibadat lain, infrastruktur dan sebagainya.

Tahun lepas sahaja kita dapat menyelesaikan sebanyak 77 projek

demi membantu kelangsungan hidup warga Hulu Langat ini.

Pada masa sama, kita juga memberi bantuan kepada golongan-golongan memerlukan, bukan sahaja dalam bentuk duit, malahan barangan keperluan juga.

Apakah perancangan menghapuskan atau meminimalkan miskin tegar?

Soal miskin tegar ini, ia tidak akan habis dengan hanya memberi bantuan dan pada masa sama, individu itu juga perlu berusaha untuk mencari pendapatan seterusnya mengubah nasib.

Kalau tengok di Selangor, kita ada lebih 50 Program Iltizam Penyayang. Selain itu, ada lagi program-program di mana kita menghulurkan bantuan dari segi kemahiran.

Sebagai contoh, jika individu itu mahir buat kek, kita sediakan peralatan, jika mahir menjahit, kita beri mesin jahit, daripada situ, mereka akan mengembangkan perniagaan.



SANY mahu penduduk Hulu Langat bersama membangunkan kawasan Parlimen tersebut.

Lengkap dengan pelbagai fasiliti

Peniaga selesa di Kompleks Jalan Raja Bot

HAZIRAH HALIM

TINDAKAN Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) memindahkan 64 peniaga di Jalan Lorong Muhibbah ke penempatan baharu di Kompleks Jalan Raja Bot, Chow Kit April lalu membawa kelegaan kepada para peniaga.

Rata-ratanya bersyukur kerana diberi kawasan yang lebih selesa dan terjamin dari segi keselamatan untuk terus mencari rezeki demi kelangsungan hidup.

Tinjauan *Wilayahku* pada Rabu mendapati kompleks yang berkonsepkan pasar dan medan selera itu telah siap sepenuhnya dengan pelbagai fasiliti seperti tandas, surau selain susun atur yang lebih kemas dan bersih.

Salah seorang peniaga, **Tan Kuan**, 80, menyambut baik inisiatif yang dilaksanakan oleh pihak DBKL meskipun bersedih kerana terpaksa meninggalkan lokasi lama yang membawa banyak kenangan kepada dirinya.

“Saya meniaga di kawasan Chow Kit ini sudah hampir 43

tahun, mestilah saya sedih sebab itulah tapak asal saya menjalankan perniagaan. Sebaik menerima notis daripada DBKL, saya sudah bersedia.

“Lagipun sebelum itu saya sudah pun mendengar perkhabaran tentang tapak itu akan dirobuhkan namun yang pasti saya gembira berada di tempat baharu yang lebih selesa,” ujarnya.

Tambahnya selain lengkap dengan pelbagai fasiliti, pelanggan juga tidak perlu lagi bersesak untuk menjamu selera terutamanya ketika waktu puncak.

Walau bagaimanapun, Tan Kuan berharap pihak DBKL akan membantu menguar-uarkan lokasi tersebut kepada orang ramai supaya ia lebih dikenali dan menjadi lokasi utama tumpuan masyarakat.

Perkara tersebut turut disokong peniaga masakan berlauk, **Siti Aishah Nazri**, 30, yang memuji tindakan DBKL merobuhkan gerai di lokasi lama bagi membanteras aktiviti jualan warga asing.

“Terima kasih DBKL di atas



TAN KUAN



SITI AISHAH



KOMPLEKS Jalan Raja Bot, Chow Kit lebih selesa dan teratur.

usaha tersebut. Diharapkan selepas ini pihak DBKL dapat melakukan hebahan promosi selain menaik taraf kawasan ini dari semasa ke semasa agar lokasi ini menjadi lebih meriah lagi.

“Walau bagaimanapun saya bersyukur diberikan tempat ini untuk mencari rezeki. Usaha murni yang dijalankan DBKL

memberi peluang kepada ramai peniaga tempatan untuk berniaga dalam keadaan yang selesa,” ujarnya.

Terdahulu, pada pertengahan April lalu, DBKL merobuhkan gerai di Jalan Lorong Muhibbah berhampiran Pasar Chow Kit berikutan pasar ini dikatakan menjadi pusat peniagaan

melibatkan warga asing Indonesia dan Myanmar.

Difahamkan juga perobohan itu dilakukan untuk membina laluan masuk ke tapak projek pembangunan baharu Chow Kit Fasa Tiga. Ekoran daripada itu, 64 peniaga dipindahkan ke penempatan baharu di Kompleks Jalan Raja Bot, Chow Kit. 📍

PArM gesa sedia garis panduan pemeliharaan pokok

PERSATUAN Arborist Malaysia (PArM) menggesa pihak berkepentingan meningkatkan pemeriksaan secara berkala serta menyediakan garis panduan pemeliharaan pokok-pokok bagi mengelakkan kejadian pokok tumbang berlaku lagi.

Presidennya, **Mohd Zailani Jamil** berkata kejadian seumpama itu boleh dielakkan jika terdapat satu garis panduan berhubung penjagaan dan penyeliaan pokok-pokok yang sewajarnya kepada semua pihak tertentu.

“Adalah wajar jika pihak berkaitan mengutamakan pelaksanaan program pemeriksaan dan penyelenggaraan yang komprehensif untuk memastikan keselamatan pokok terjamin terutama di kawasan bandar.

“Jangan terlepas pandang soal kepentingan dan kebaikan pokok besar di kawasan bandar kerana ia memainkan peranan penting dalam meningkatkan kualiti kehidupan dengan menyediakan tempat teduh, kualiti udara, mengurangkan pencemaran bunyi

serta meningkatkan daya tarikan persekitaran,” kata beliau.

Menurut Zailani, insiden pokok tumbang yang berlaku di ibu kota pada Selasa sehingga mengorbankan satu nyawa dan mencederakan seorang mangsa menjadi peringatan kepada

semua pihak untuk mempertimbangkan keperluan akar pokok dalam pembangunan kawasan sekitar.

“Ini kerana, akar pokok adalah penyumbang utama kepada kestabilan pokok jadi jika ada gangguan seperti pemotongan di kawasan sekitar mahupun pembangunan seperti pembinaan laluan pejalan kaki, ia boleh menyebabkan berlakunya pereputan dan boleh mengganggu sistem tumbesaran dan percabangan akar sihat dan ketahanan pokok tersebut.

“Ketahanan pokok adalah bergantung kepada tahap kekuatannya untuk bertahan dan jika ada banyak gangguan ia boleh menyebabkan berlaku lagi kejadian sedemikian.

“Ada pokok yang boleh

mencecah 200 hingga 400 tahun, ini kerana ia bergantung kepada aspek bagaimana penjagaan tersebut dilakukan.

“Justeru itu, adalah sewajarnya jika kita menitikberatkan aspek penjagaan rapi pokok-pokok, jika tidak ditambah pula dengan keadaan cuaca yang ekstrem berupaya berlaku kejadian tersebut,” jelasnya.

Zailani berkata pihaknya percaya bahawa beberapa cadangan tindakan untuk memantau pokok-pokok berkenaan akan dilakukan dan jika pokok-pokok tersebut didapati perlu dilupuskan pastinya ada kaedah.

“Disebabkan itu pentingnya pengetahuan mengenai penjagaan pokok agar segala tindakan dapat dilakukan dengan kaedah yang betul bukan sahaja di Malaysia malah di negara-negara lain juga perlu ada pendedahan tentang penjagaan pokok ini.

“Kompetensi dalam pengurusan pokok berisiko dalam berbagai peringkat sangat perlu termasuk kemahiran vokasional untuk menjalankan kerja penyelenggaraan pokok,” ujar beliau.

Terdahulu, pada sesi tinjauan

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan) Dr Zaliha Mustafa di lokasi kejadian pokok tumbang, beliau berkata Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) akan melihat keperluan untuk mengkaji semula garis panduan pemeliharaan pokok-pokok tua di sekitar ibu kota.

Beliau berkata, pihaknya mengenal pasti banyak pokok berusia 50 sehingga 80 tahun di sekitar ibu negara.

Sementara itu, aktivis masyarakat, **Gulam Muszaffar Gulam Mustakim** berkata,

satu pangkalan data mengenai pokok perlu diwujudkan bagi mengenal pasti status ketahanan pokok-pokok tua di sekitar ibu negara yang kebanyakannya sudah berusia.

Gulam berkata ia merangkumi elemen kecacatan, kesihatan, jangka hayat serta ketahanan pokok di mana kebanyakan pokok-pokok sudah berusia hampir 100 tahun dan memerlukan penjagaan khas.

“Difahamkan, ada pihak yang memeriksa pokok-pokok ini

dua tahun sekali namun dalam keadaan cuaca yang tidak menentu masa kini, kita tidak lagi boleh bersandarkan kepada laporan berkala seperti itu.

“Ia memerlukan pengurusan khas untuk mengawal selia pokok-pokok ini yang kaedahnya perlu dibincangkan bersama pakar-pakar berkaitan,” katanya.

Tambahnya, pihak berkaitan juga perlu segera mengambil langkah proaktif bagi memastikan kejadian sedemikian tidak berulang lagi pada masa hadapan dengan mengambil kira status ibu kota sebagai bandaraya hijau.

“Profil mengenai pokok-pokok ini juga sewajarnya boleh diakses oleh masyarakat umum bukan hanya sebagai makluman, tetapi persediaan sekiranya mereka berada di kawasan yang berhampiran.

“Selain itu, jika pokok-pokok tersebut telah dikenal pasti, ia perlu ditanda bagi membolehkan orang ramai berhati-hati ketika melalui kawasan berkenaan,” katanya. 📍



MOHD ZAILANI



GULAM

Semua mula terasa kesan positif ekonomi



ZULKIFLI SULONG

BURSA Malaysia mencatatkan rekod baharu dengan permodalan pasaran ekuiti melebihi RM2 trilion pada Selasa 7 Mei baru-baru ini.

Menerusi hantaran di platform X, FTSE Bursa Malaysia KLCI (FBM KLCI) melonjak melepasi 1,600 mata pada pagi hari Selasa, buat pertama kali dalam tempoh dua tahun.

“Indikator di atas adalah bukti kekukuhan pasaran kita dan ekonomi Malaysia.

“Berdasarkan lebih 1,000 syarikat senaraian awam (jumlah tertinggi di rantau ASEAN) kami berada pada kedudukan yang baik untuk mencapai tahap yang lebih tinggi,” menurut Bursa Malaysia.

Lapor BERNAMA, FBM KLCI pada 5 petang meningkat 0.52 peratus atau 8.29 mata kepada 1,605.68 daripada 1,597.39 ketika ditutup pada Isnin, sekali gus menjadi paras tertinggi bagi indeks utama sejak April 2022.

Indeks barometer yang dibuka 3.46 mata lebih tinggi kepada 1,600.85 itu bergerak di antara 1,600.66 pada sesi awal dengan setinggi 1,610.32 pada sesi petang.

Sehari dua sebelum ini, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim mengumumkan cadangan kerajaan untuk menyusun semula tangga gaji kakitangan perkhidmatan awam. Beliau menjangkakan gaji kakitangan awam akan naik melebihi 13 peratus mulai Disember tahun ini.

Disember dipilih kerana, Belanjawan 2025 akan dibentangkan Oktober dan dijangka akan diluluskan mulai November.

Ini bermakna, pada Disember kakitangan perkhidmatan awam akan menikmati gaji baharu selepas Dewan Rakyat dan Dewan Negara meluluskan belanjawan ini.

Di platform TikTok dan media sosial lain penuh dengan iklan jawatan kosong. Ia kebanyakannya diiklankan oleh jabatan-jabatan kerajaan.

DBKL, Petronas, Kementerian Pendidikan, Bomba, JKR, Tenaga Nasional Berhad (TNB), Jabatan Pendaftaran Negara (JPN), Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS), Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) dan pelbagai jabatan dan agensi kerajaan lagi mengiklankan jawatan kosong.

Ini bermakna badan-badan ini mendapat bajet untuk pengambilan kakitangan baharu.

Portal berita Majoriti dalam laporannya sebelum ini menyebut bahawa Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) mencatatkan penurunan kadar ketidakpadanan pekerjaan graduan yang signifikan kepada 18.2 peratus untuk tahun 2023, berbanding 40.5 peratus pada tahun sebelumnya.

Pada masa sama, kadar pengangguran terkini negara dilihat semakin baik dan stabil pada kadar 3.3 peratus berbanding Mei 2020 iaitu pada kadar 5.3 peratus ketika negara dilanda wabak COVID-19.

Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri Abdul Rahman Mohamad berkata Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) menerusi PERKESO mengumumkan penurunan

sebanyak 22.3 peratus bagi graduan ditempatkan dalam kumpulan pekerjaan separa mahir dan berkemahiran rendah.

Ia merupakan hasil inisiatif berterusan agensi melalui Pegawai Perkhidmatan Pekerjaan dengan sokongan Portal Pekerjaan Negara MYFutureJobs, dalam usaha menempatkan graduan di kumpulan pekerjaan berkemahiran tinggi.

Projek yang dilaksanakan untuk menyediakan peluang pekerjaan dan pendapatan tambahan rakyat juga mula menunjukkan hasil.

Inisiatif Pendapatan Rakyat (IPR) mula menunjukkan hasilnya apabila peserta projek ini memaklumkan pendapatan mereka meningkat berkali ganda selepas menyertainya.

Pendek kata semua ini adalah vibes atau berita positif yang rakyat negara ini mahu dengar.

Ketika dicanangkan dalam kempen pilihan raya kecil Kuala Kubu Bharu (KKB), kononnya

rakyat negara ini terdesak sekarang, orang ramai sendiri merasakan betapa mereka sangat senang sekarang ini.

Dalam bulan Ramadan dan Syawal baru-baru ini, ketika umat Islam berpuasa dan menyambut hari raya, tidak terdengar lagi barangan keperluan hari raya tidak ada di pasaran dan harganya melambung.

Daging lembu segar dijual hanya RM30-35 sahaja sekilogram di Terengganu. Ayam, telur, minyak masak memenuhi pasaran.

Tiga tahun lalu, rakyat masih ingat bagaimana mereka berebut-rebut telur di kedai runcit dan pasar raya sehingga kerajaan ketika itu melancarkan jihad melawan inflasi. Namun, hanya kempen sahaja yang terdengar, harga barangan sendiri kekal tinggi bahkan sukar untuk diperolehi di pasaran.

Walaupun diakui oleh sesetengah pihak bahawa tahun

ini adalah tahun sengsara, ekoran ekonomi dunia yang tidak menentu, namun di Malaysia orang ramai tidak terasa sangat dengan bahangnya.

Benar sekali kata sesetengah pihak, kerajaan yang ada ini bukan lagi berusaha menaikkan siling iaitu ekonomi negara tetapi juga menaikkan lantai atau ekonomi rakyat.

Ia berlaku apabila kerajaan berusaha membawa masuk pelaburan untuk menaikkan ekonomi negara manakala gaji penjawat awam, Akaun 3 KWSP dan projek rintis Dasar Gaji Progresif yang bakal dilaksanakan Jun ini akan memberikan manfaat langsung kepada rakyat.

Semoga Allah memberkati negara Malaysia yang bertuah ini.

TULISAN ini adalah berdasarkan pemerhatian dan pandangan penulis.



KENAIKAN gaji yang diumumkan Anwar tingkatan kuasa beli rakyat. - Gambar hiasan

Apabila rumah awam digadai!

LANTARAN tiada tempat berlindung, peluang diberi untuk menyewa atau membeli rumah Projek Perumahan Rakyat (PPR) atau Perumahan Awam (PA) di Kuala Lumpur dengan kadar sewa atau harga jualan yang sangat berpatutan.

Kadar sewa PPR atau PA hanya RM124 sebulan. Sangat murah. Jika di kawasan perumahan biasa jangan harap boleh menikmati sewa serendah itu untuk satu unit rumah. Untuk sewa satu bilik pun tidak dapat.

Ini usaha dilakukan oleh kerajaan melalui Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) untuk membantu warga kota khususnya yang tidak mempunyai rumah.

Sayangnya sikap prihatin kerajaan dan DBKL ini disalah guna oleh segelintir mereka yang menyewa atau membeli rumah awam DBKL. Peraturan jelas iaitu unit yang disewa atau dibeli hanya boleh dihuni oleh yang berdaftar dengan DBKL.

Rumah yang disewa atau dibeli tidak boleh sama sekali disewakan pula kepada orang lain. Tindakan tegas, termasuk mengusir, boleh diambil terhadap mereka yang didapati

melanggar peraturan berkenaan.

Tetapi ini yang berlaku sekarang. Terdapat kelompok yang tidak pedulikan peraturan dengan menyewakan unit yang mereka sewakan kepada orang lain untuk mendapat untung lebih besar. Ertinya sewa atas sewa. Kegiatan ini dikatakan semakin menjadi-jadi.

Mana tidak untung jika sewa satu unit hanya RM124 sebulan tetapi menyewakan kepada orang lain, terutama warga asing, dengan lebih mahal. Memetik Pengarah Eksekutif (Pembangunan Sosioekonomi) DBKL, Ismail Sakirin, kadar ini antara RM600 hingga RM1,200, bergantung kepada lokasi.

Kawan-kawan Kedai Kopi kesal kenapa penyewa asal sanggup mengambil risiko menyewakan unit. Mereka hanya mahu menjejaz untung.

Nasihat kawan-kawan Kedai Kopi kepada penyewa asal, hargailah usaha kerajaan dan DBKL memberi kediaman untuk keluarga. Usah tamak mencari untung segera. Jangan apabila diambil tindakan nanti baharu hendak menyesal.



Prestasi pintar KL meningkat

KUALA Lumpur berada pada kedudukan ke-73 bandar raya terpintar daripada 142 bandar raya seluruh dunia. Kedudukan ini berdasar Indeks Bandar Raya Pintar (SCI) 2024 yang dikeluarkan oleh Institut Pembangunan Pengurusan (IMD), Switzerland, baru-baru ini.

Kawan-kawan Kedai Kopi tumpang banga dengan prestasi dicapai oleh Kuala Lumpur yang berjaya melonjakkan kedudukannya dengan ketara. Tahun lepas ibu negara berada pada kedudukan ke-89, bererti lonjakan 16 anak tangga.

Laporan berkenaan memuji prestasi membanggakan Kuala Lumpur, antaranya dalam aspek kemudahan pembelian tiket dalam talian serta penyenaian pekerjaan dalam talian yang memudahkan urusan mencari pekerjaan.

Turut menerima pujian ialah kaedah temu janji perubatan dalam talian yang mampu menambah baik akses kepada khidmat perubatan. Juga struktur mobiliti seperti jualan tiket dan penjadualan pengangkutan awam dalam talian yang memudahkan urusan khidmat pengangkutan awam.

Namun laporan itu juga menyentuh isu kesesakan lalu lintas di ibu kota. Bagi kawan-kawan Kedai Kopi, aspek ini bukan sahaja dihadapi oleh Kuala Lumpur tetapi juga kebanyakan bandar raya lain di seluruh dunia.

Yang penting, di ibu negara, usaha berterusan dilakukan untuk menangani isu ini. Untuk itu kerajaan menyediakan kemudahan pengangkutan awam yang lebih efisien dan sistematik serta sentiasa ditambah baik.

Ini termasuk mengadakan laluan khas untuk bas bagi memastikan perjalanan lancar dan tidak tersangkut dalam kesesakan. Juga khidmat monorel, Transit Aliran Ringan (LRT) dan Transit Aliran Massa (MRT) yang ternyata menjadi pilihan warga kota.

Selain itu jalan baharu dibina, atau rangkaian jalan raya sedia ada ditambah baik untuk menampung pergerakan lebih banyak kenderaan, terutama pada waktu puncak. Pendek kata segala usaha dilakukan kerajaan bagi mengurangkan kesesakan di ibu negara dan usaha ini akan berterusan.

Jururawat kerjaya yang mulia



KU SEMAN KU HUSSAIN

TULISAN kali ini dimulakan dengan ucapan Selamat Hari Jururawat Sedunia kepada sekalian jururawat – tidak kira yang sudah bersara atau masih bertugas dalam bidang yang penting lagi unik itu. Terima kasih kerana telah mencurahkan bakti kerana tidak banyak orang yang mampu dan mahu bekerja dalam persekitaran orang sakit.

Jururawat bukan kerjaya biasa, tidak sahaja memerlukan kemahiran dalam memberikan penjagaan dan rawatan. Malah memerlukan persiapan mental berdepan pesakit yang berbagai-bagai ragam. Kemahiran sahaja bukanlah satu kunci kejayaan melainkan turut menjiwai kerjaya.

Memang benar, mereka dibayar gaji dan faedah lainnya. Tetapi bayangkan kalau sebahagian besar jururawat yang ada memilih kerjaya lain yang lebih menyeronokkan, sudah tentu kita berdepan dengan masalah.

Kita bernasib baik kerana ada yang sanggup bekerja dalam keadaan yang penuh tekanan. Selepas doktor, jururawat adalah orang yang bertanggungjawab secara tidak langsung terhadap pesakit, terutama yang memerlukan pemerhatian yang intensif.

Ahad ini 12 Mei adalah Hari Jururawat Sedunia. Sempena hari istimewa itu mereka tentunya tidak menuntut apa-apa penghargaan atas segala yang diberikan pada kerjaya. Bagaimanapun sebagai orang yang tidak terkecuali daripada mendapat khidmat jururawat, eloklah kita memahami dan memberikan apresiasi terhadap mereka.

Hari Jururawat Sedunia tidaklah sepopular Hari Valentine yang merupakan peluang kapitalis



mengaut keuntungan daripada sambutan hari berkenaan. Pada Hari Valentine budaya konsumerisme digerakkan semahumahnya dengan menjual segala macam barangan yang berkaitan hari berkenaan.

Bagaimanapun Hari Jururawat Sedunia tidak ada sesuatu yang boleh mengayak kapitalis. Tidak ada lagu atau muzik yang menumpang Hari Jururawat Sedunia seperti Hari Valentine. Tidak ada barangan yang boleh menjana pendapatan kapitalis sempena Hari Jururawat Sedunia.

Oleh sebab itu tidak hairanlah kalau ada dalam kalangan kita tidak sedar bahawa 12 Mei setiap tahun adalah hari memperingati sumbangan lebih 11 juta orang yang bergelumbang dalam kerjaya kejururawatan di seluruh dunia.

Hari Jururawat Sedunia

kerap berlalu tanpa banyak yang memberikan penghargaan terhadap kerjaya yang mulia itu. Biasanya tarikh dalam bulan Mei itu selalu dibayangi sambutan Hari Pekerja pada 1 Mei, Hari Ibu pada Ahad minggu kedua setiap Mei dan Hari Guru pada 16 Mei.

Hari Jururawat Sedunia terselit di tengah-tengah. Jururawat bagi sebahagian daripada kita adalah sama dengan kerjaya lain. Kita selalu menganggap kerjaya itu hanya untuk makan gaji. Tetapi jarang daripada sudut yang melampaui garis biasa daripada pandangan umum.

Dalam lain perkataan masyarakat jarang diasuh melihat kerjaya-kerjaya tertentu di luar tujuan sekadar makan gaji. Selain makan gaji jururawat memberikan khidmat kemanusiaan yang bukan kecil nilainya kepada orang sakit yang sesetengahnya tidak ada harapan untuk hidup.

Tetapi jururawat terus menghidupkan harapan pesakit yang seperti itu dengan pendekatan kemanusiaan, kemahiran dan pengalaman. Yang beragama Islam memberikan keyakinan dengan mendekatkan pesakit kepada kuasa Yang Maha Esa. Semua itu tidak boleh dilakukan oleh robot yang menggunakan teknologi kecerdasan buatan (AI) yang sekarang ini menguasai banyak bidang yang dilakukan manusia.

AI tidak boleh menjaga serta merawat jiwa orang sakit yang mati harapannya untuk hidup. Sebabnya AI bukan seperti

jururawat yang sosoknya manusia yang berjiwa dan ada pertautan rasa kemanusiaan itu juga menjadi penawar pada sakit.

Oleh hal yang demikian kerja yang dilakukan oleh jururawat tidak boleh diambil alih oleh robot. Hal itu membuktikan antara jururawat dengan pesakit wujud pertautan kemanusiaan yang menjadi sebahagian daripada penawar dalam proses rawatan.

NYAWA PESAKIT

SEDAR atau tidak, kita sebenarnya terhutang budi kepada mereka yang memilih menjadi jururawat. Kalau bukan kita sendiri yang menjadi penghuni katil hospital, adik-beradik atau saudara-mara tentu pernah menjadi 'tetamu' jururawat di hospital.

Tidak semua orang mempunyai tahap kesabaran yang luar biasa yang perlu dimiliki oleh jururawat. Malah tidak semua juga yang mampu memamerkan wajah dan kata-kata yang sentiasa menjanjikan masa depan kepada pesakit biar seteruk mana sekalipun keadaan mereka.

Ubat yang dibekalkan dan teknologi dalam perubatan hanya sebahagian daripada proses rawatan. Selebihnya penawar itu ada kepada setiap jururawat yang sentiasa memberikan harapan bahawa esok masih ada kepada semua orang. Mereka adalah orang yang paling mengerti makna hilang harapan.

Tarikh 12 Mei dipilih kerana

signifikan dengan tarikh lahir pengasas kerjaya kejururawatan, Lady Florence Nightingale (Lady of the Lamp) pada awal abad ke-19 lalu. Tetapi bukanlah mengagungkan wanita itu. Suatu hakikat yang perlu diakui adalah penjagaan kesihatan yang menyeluruh tidak mungkin dapat dilaksanakan dengan berkesan tanpa penglibatan jururawat.

Menurut statistik Majlis Jururawat Antarabangsa, 80 peratus perkhidmatan kesihatan peringkat asas dilakukan oleh jururawat. Pada 10 tahun lalu Kementerian Kesihatan mengisi 90,961 daripada 111,812 jawatan. Sebanyak 42,090 daripada jawatan adalah jururawat.

Statistik juga menunjukkan negara ini mempunyai lebih kurang 43,969 jururawat termasuk 8,700 yang berkhidmat di sektor swasta. Itu menunjukkan 43,969 jururawat memberi khidmat kepada 30 juta rakyat negara ini.

Dalam kata lain nisbahnya ialah seorang jururawat untuk 500 orang. Nisbah ini sebenarnya satu perkembangan menarik kalau dibandingkan statistik tahun 1999 iaitu seorang jururawat untuk 1,055 orang.

Hal itu menunjukkan pertambahan jumlah jururawat antara faktor penting memastikan pendekatan dan peningkatan kesedaran terhadap kesihatan. Bayangkan daripada 1,055 orang menjadi 500 orang bagi seorang jururawat, sudah tentu lebih terfokus untuk menyampaikan maklumat.

Nisbah itu juga menunjukkan jururawat adalah satu kerjaya yang penting kepada negara untuk memastikan kesihatan rakyat berada pada tahap yang sewajarnya. Malah kerjaya itu tidak tersisih daripada tumpuan kerajaan dan jururawat bukan pilihan terakhir setelah gagal memasuki bidang kerjaya lain.

Banyak dalam kalangan yang memilih menjadi jururawat bukanlah kerana tidak berjaya dalam kerjaya lain. Dengan tahap akademik, mereka boleh memilih kerjaya lain yang tidak perlu bersusah payah menjaga orang sakit. Sebaliknya pilihan sebagai jururawat dilihat sebagai kesedaran untuk memberi sumbangan kepada masyarakat.

Oleh hal yang demikian, kita harus bersyukur kerana ada yang memilih kerjaya yang mencabar itu dan menjadi perantara yang humanis antara teknologi rawatan yang canggih, kepakaran para doktor dan pesakit terutama yang terlalu tenat.

Cabaran jururawat adalah masa. Mereka tidak boleh bertangguh sesaat pun kerana setiap detik itu sangat mahal nilainya pada nyawa pesakit. Tentu berbeza dengan kerjaya lain dalam sektor awam yang boleh menangguhkan kerja untuk beberapa jam, hari atau minggu berikutnya.

Selamat Hari Jururawat Sedunia.

RAGAM KOTA

#minor

SEBAGAI PEMUZIK JALANAN, SAYA MEMANG DAH BIASA 'DISIMBAH' DENGAN MAKIAN DAN KUTUKAN...

DIHALAU TU DAH JADI MAKANAN, TAPI KALAU DAH MAIN SIMBAH ASID, SAYA SERIAU JUGA LA...

RASA MACAM NAK KENA PAKAI BODYGUARD JUGAK NI...

CANTIKKK... KEBETULAN SAYA PUN FREE Hujung MINGGU. SAYA BO...BOLEH JADI BODYGUARD SAUDARA. JURUS TOMOI SIAM PUN ADA SIKIT, GAYUNG BURMA PUN ADA SIKIT... COLLECTION BAGI DUA...

CEHH... KALAU DAPAT SERINGGIT?



Sebarang maklumat berhubung **Editorial Wilayahku**, sila hubungi alamat tertera: **Aras 9, Blok 1, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya.**
Te: 03-8861 5260 | E-mail: editorialwilayahku@gmail.com



Bil 261 . 10 - 16 MEI 2024

LISC 2024

JULANG LABUAN
DI PERSADA ANTARABANGSA

▶ 10-11



LISC kukuhkan Labuan dalam penganjuran sukan air dunia



COASTAL Ninja Warrior merupakan antara tiga acara baharu yang mendapat sambutan menggalakkan daripada peminat.

AZLAN ZAMBRY & KHAIRUL IDIN

TEMASYA sukan air Labuan International Sea Challenge (LISC) edisi ke-26 yang telah melabuhkan tirai baru-baru ini telah berjaya menarik lebih 2,000 penyertaan dari penggiat sukan tempatan dan antarabangsa.

Selain itu, kejohanan yang berlangsung selama tiga hari itu turut dihadiri lebih 30,000 peminat sukan air daripada dalam dan luar negara sekaligus meletakkan acara tersebut sebaris dengan sukan bertaraf antarabangsa yang lain.

Tidak seperti Minggu Kiel, di Jerman atau Minggu Pelayaran Arendal yang berlangsung di Norway, LISC menawarkan pelbagai pertandingan sukan air yang lebih meluas termasuk kejohanan jet ski, perlumbaan kayak, perlumbaan bot, dan juga cabaran memancing laut dalam dan berenang.

Kepelbagaian yang ditawarkan ini dilihat berjaya memenuhi cita rasa khalayak dengan lebih meluas membabitkan peminat sukan air yang berbeza khususnya dari dalam kalangan warga tempatan yang sudah biasa dengan sukan berkait dengan maritim sejak sekian lama.

Penganjuran LISC 2024 juga mempertandingkan lebih 18 acara sukan air yang dianjurkan



oleh Perbadanan Labuan (PL) menawarkan hadiah keseluruhan berjumlah RM278,390 antaranya pertandingan Memancing Laut Dalam DAIWA dan Cabaran Kayak Mengelilingi Pulau Labuan yang merupakan 'pelaris' untuk edisi kali ini.

Penekanan kepada budaya

TIDAK sekadar sukan air yang biasa dianjurkan di mana-mana tempat, LISC sejak sekian lama menekankan kepada budaya tempatan berikutan kedudukan geografi yang terdedah kepada aktiviti maritim selain menjadi adat

yang dipertahankan turun temurun.

Antara pertandingan yang dianjurkan adalah Camping Glamping LISC 2024, Silat, Bola Tampar, Petanque, Sepak Takraw, Ragbi dan memancing yang mana kesemua acara berlangsung di pesisiran pantai Kompleks Sukan Laut Antarabangsa Labuan.

Menerusi penganjuran LISC dari edisi pertama sehingga kini, PL menggabungkan unsur-unsur warisan maritim Labuan dan budaya tempatan ke dalam acara tersebut, ia dapat dilihat melalui perlumbaan bot tradisional dan persembahan kebudayaan.

Dapat dipastikan bahawa

kebanyakan pertandingan Pelayaran Regatta Antarabangsa yang telah dianjurkan berkemungkinan tidak mempunyai hubungan budaya yang kuat ini dan hanya di sertai oleh pasukan elit dalam bidang sukan tersebut sahaja.

Selain itu LISC juga berorientasikan komuniti dan acara seperti Perlumbaan Bot Teksi Air atau Tarik Tali Bot Air dilihat berjaya mewujudkan 'vibes' yang menyeronokkan dan berorientasikan komuniti. Acara ini melibatkan peserta tempatan dan menyediakan hiburan untuk penonton.

Penganjuran LISC yang tidak terhad kepada mana-mana kumpulan dan lebih mudah diakses oleh pesaing amatir berbanding beberapa regatta pelayaran berprestij seperti Cowes Week yang diadakan setiap tahun di Isle of Wight, England dan boleh dikatakan antara salah satu pelayaran regatta paling berprestij di dunia yang menampilkan perlumbaan untuk pelbagai kelas bot, daripada kapal layar klasik hingga bot perlumbaan berprestasi tinggi. Berbanding LISC, penganjurannya hanya menawarkan gabungan unik sukan air yang kompetitif, perayaan kebudayaan

tempatan dan suasana komuniti dan iatulah yang membezakan temasya tersebut daripada kejohanan antarabangsa yang lain.

Perkenal tiga acara baharu

DALAM meningkatkan partisipasi peminat sukan air, penganjur telah memperkenalkan tiga acara baharu iaitu Coastal Ninja Warrior Challenge, Regatta serta Camping Glamping LISC 2024 yang turut dibuka kepada umum.

Coastal Ninja Warrior Challenge merupakan pertandingan yang menilai tahap kekuatan dan kecergasan seperti ninja, iaitu pahlawan agung zaman Jepun. Pemenang utama memenangi hadiah wang tunai berjumlah RM2,000, naib juara akan mendapat RM1,500, tempat ketiga (RM1,000), keempat (RM500), kelima (RM300), keenam (RM200), ke-7- Ke-10 (RM100) dan ke-11-20 (RM50).

Peserta dikenakan yuran penyertaan RM60 untuk warga Malaysia dan RM100 untuk warga asing.

Selain itu menerusi acara Regatta LISC2024, 46 pelayar dari Labuan, Sabah, Selangor dan luar negara seperti Brunei Darussalam





Berjaya pertahan kejuaraan dua tahun berturut-turut

DUA beradik yang mewakili Persatuan Kanu Labuan dinobatkan sebagai juara untuk dua tahun berturut-turut selepas memenangi kejohanan itu pada LISC tahun 2023 lalu.

Lebih membanggakan, **Nadzmar** dan **Shahdan Sukarno** masing-masing berumur 29 dan 30 berjaya memecahkan rekod peribadi pada tahun lalu iaitu dengan catatan masa 5 jam 46 minit.

Dalam edisi penganjuran tahun ini, dua beradik itu berjaya menghabiskan sepanjang 51.2 kilometer (km) mengelilingi pulau dengan catatan masa 5 jam 46 minit sekaligus memecah rekod peribadi pada tahun lalu iaitu dengan catatan masa 5 jam 56 minit.

Menurut Nadzmar, kemenangan yang diperolehi itu merupakan idaman sepanjang menceburi bidang sukan ini dan berazam untuk lebih terus berjaya dan melakar lebih banyak kejuaraan pada masa hadapan.

Ujarnya, usaha dan fokus merupakan satu perkara yang sentiasa diterapkan dalam diri mereka setiap kali dalam latihan sebagai persediaan menghadapi sesuatu pertandingan.

“Alhamdulillah, kami berdua amat bersyukur dengan pencapaian ini dan berjaya mengekalkan gelaran juara dalam kategori ini yang kami perolehi pada LISC tahun lalu.

“Kejayaan ini tidak akan dapat kami capai jika tiada latihan, bimbingan daripada jurulatih



DUA beradik, Nadzmar dan Shahdan berazam untuk memecahkan rekod yang dipegangnya dalam kejohanan sama tahun hadapan.

Persatuan Kanu Labuan yang sentiasa memberikan latihan secara kerap untuk memastikan kami bersedia daripada segi mental dan fizikal,” katanya kepada *WilayahKu*, baru-baru ini.

Beliau turut mengakui sepanjang kejohanan itu pelbagai dugaan dan cabaran yang telah ditempuhi oleh mereka terutama ombak kuat dan sebagainya.

“Tidak dinafikan perjalanan panjang membuatkan acara ini memenatkan. Tetapi sudah menjadi adat dalam pertandingan, ada semangat serta dorongan untuk menang.

“Saya bersyukur kerana adik sentiasa memberi motivasi

sepanjang pertandingan. Kami turut mengatur strategi dengan menjarakkan kedudukan daripada kelompok besar untuk berada pada kedudukan baik.

“Ia berhasil apabila kami berjaya memecahkan rekod dahulu dengan rekod masa baharu. Pentingnya, kami tidak boleh putus asa selain latihan mencukupi serta kesihatan pada tahap terbaik untuk menamatkan perlumbaan sejauh 140 kilometer,” katanya.

Tambah Nadzmar, beliau turut berharap berharap dapat menyertai acara sama dalam LISC untuk edisi tahun hadapan dengan tekad untuk memecahkan rekod peribadi yang dipegangnya kini. **IT**

menyertai acara yang julung kali diadakan itu.

Dalam acara Camping Glamping LISC2024 pula, kira-kira 212 peserta tempatan dari Labuan, Sabah, Sarawak dan lima peserta Brunei menyertai acara yang turut pertama kali diadakan.

Menerusi Pertandingan Memancing Laut Dalam DAIWA LISC 2024, pasukan dari Hong Kong iaitu Blue Warrior mengungguli tempat pertama dan telah berjaya membawa hasil tangkapan ikan seberat 85.8 kilogram (kg) sekali gus berjaya membawa pulang hadiah utama RM45,000.

Cabaran DAIWA Deep Sea Challenge diadakan di kawasan Pulau Layang-Layang,

Kepulauan Spratly Malaysia iaitu kira-kira 80 km dari Labuan menerima penyertaan kira-kira 184 peserta dari dalam dan luar negara.

Antara peserta luar negara menyertai cabaran DAIWA Deep Sea Challenge termasuk Brunei, Hongkong, Kanada, Brunei, China dan Malaysia.

Kesemua peserta berkenaan berjaya menaikkan lebih 10 jenis ikan seperti dog tooth, keratang, ruby, ikan putih, barracuda, wahoo, amberjack, coral trout, kerisi bali dan red snapper.

Kira-kira 648.2 kg ikan kemudian dilelong dan berjaya diperolehi RM10,512.00 dan diserahkan kepada beberapa badan kebajikan yang terdapat di Labuan. **IT**



PERBADANAN Labuan (PL) bersedia meneroka peluang baharu termasuk memperbaiki tahap penganjurannya dalam usaha untuk meningkatkan penyertaan Labuan International Sea Challenge 2025 akan datang.

Dikenali sebagai Mutiara Borneo, pulau yang kaya dengan sumber alam, tinggalan sejarah dan potensi pantai yang mampu menarik lebih ramai pelancong ke Labuan.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Rithuan Ismail berkata pihaknya akan meningkatkan tahap kemampuan termasuk akan memperkenalkan pengimbas kod QR dalam usaha mempercepat dan memudahkan sebarang urusan berkenaan penganjuran.

“Untuk menambahbaik penganjuran ini pada masa akan datang sebagai penganjur, kami akan menyediakan pengimbas kod QR di beberapa kawasan acara bagi



RITHUAN

mendapatkan sebarang cadangan ataupun ulasan daripada peserta dan pengunjung.

“Bagi penganjuran pada tahun hadapan, kami akan sentiasa membuat persediaan awal dan rapi demi memastikan penganjuran temasya ini pada masa

akan datang berjalan dengan lancar dan lebih baik lagi,” katanya.

Beliau berkata dalam menganjurkan temasya antarabangsa di Labuan, pihaknya kini dalam usaha menjenamakan produk-produk pelancongan di pulau itu menerusi teras 5S iaitu *Sun, Sand, Seafood, Sport Tourism* dan *Shopping Services* bagi membangunkan semula sektor pelancongan pulau itu.

Katanya, dengan teras 5S itu akan menunjukkan kekuatan yang dimiliki oleh Labuan yang perlu dimantapkan terutamanya dalam menggandakan usaha mempromosi produk pelancongan di pulau ini

kepada luar.

“Kita yakin dan percaya dengan aspirasi ini akan menjadikan Labuan sebagai sebuah pulau pelancongan yang lebih mudah menarik perhatian dan berketerampilan di mata pengunjung luar.

“Dengan penganjuran LISC yang diadakan pada setiap tahun ini menjadikan sebagai satu medium untuk mempromosikan kempen 5S ini,” katanya.

Tambahnya, sepanjang penganjuran acara berprestij itu berlangsung selama tiga hari itu mencatatkan kehadiran lebih 30,000 pengunjung dari dalam dan luar negara.

“Ini menunjukkan penganjuran LISC tahun ini bukan sahaja mendapat sambutan yang memberangsangkan daripada peserta sahaja malahan dari segi kehadiran pengunjung juga mencatatkan peningkatan yang memberangsangkan berbanding penganjuran pada tahun-tahun sebelumnya,”katanya. **IT**





Tarikan di Gombak

Lemang Daun

SYUQREE DAIN

Video: **HASIF HALIMI**


BAGI pencinta makanan tradisi lemang, pastinya tidak asing lagi dengan Lemang Daun Lerek Greenwood yang terletak di Batu Caves, Gombak. Keunikan lemang yang dikenali hampir tiga dekad tersebut terletak pada penggunaan daun lerek berbanding daun pisang yang biasa digunakan.

Resipi turun-temurun keluarga menjadi taruhan sehingga ia menerima tempahan yang menggalakkan terutamanya ketika sambutan Aidilfitri dan rumah terbuka.

Pengurusnya, **Bistamie Ariffin**, 38, berkata daun lerek yang digunakan kebiasaannya ditemui di kawasan pantai timur manakala buluh pula diperolehi daripada pembekal sekitar Hulu Langat, Bentong dan Karak.

"Proses mengeluarkan isi lemang setelah dimasak sangat mudah dan cepat di mana pelanggan hanya perlu menarik pangkal daun lerek di hujung buluh tanpa memerlukan sebarang alatan seperti pisau atau parang," ujarnya.

Memandangkan lemang tersebut mendapat permintaan yang tinggi, Bistamie berharap agar ia dapat menjadi salah satu makanan warisan tradisional yang digunakan sebagai strategi menarik pelancong ke Gombak.

Mereka yang berminat untuk mendapatkan lemang daun lerek, Kedai Lemang Daun Lerek Greenwood beroperasi sepanjang tahun dengan harga bermula RM19.10 sehingga RM23.30 mengikut saiz. 



Lerek



Nilai estetik di Taman Saujana Hijau

DIANA AMIR

Foto: PERBADANAN PUTRAJAYA

PUTRAJAYA sememangnya terkenal dengan seni bina yang cukup unik menjadikannya antara destinasi wajib dilawati bagi pelancong dalam mahupun luar negara. Dibangunkan dengan tema Bandar Raya Dalam Taman, Putrajaya berhasil menunjukkan khazanah alam di Malaysia mempunyai pesona luar biasa.

Memiliki lebih daripada 10 taman awam di sekitarnya, antara yang menjadi tumpuan adalah Taman Saujana Hijau di mana konsep landskapnya membuatkan pengunjung seolah-olah berada di Eropah.

Berkeluasan 116 ekar, Taman Saujana Hijau lebih dikenali sebagai hutan tanah tinggi atau hutan *conifer* kerana kepelbagaian tumbuhan spesies *gymnosperm* atau tumbuhan tanah tinggi seperti pokok *pine*, *juniperus*, *thuja*, *cycas* yang membentuk landskap tanah tinggi yang sangat menarik.

Tumbuhan *gymnosperma* dikenali juga oleh sebilangan saintis sebagai fosil hidup kerana ia telah wujud sejak zaman Devon (410-360 juta tahun lalu) sebelum era dinosaur.

Dibina dengan ‘Tropical High Country’ menjadikannya destinasi pilihan aktiviti antaranya beriadah, berpiknik, jogging, berbasikal

mahupun bergambar bersama ahli keluarga pada hujung minggu.

Menurut Naib Presiden (Jabatan Landskap dan Taman) Perbadanan Putrajaya (PPj), **LAr Haslinda Khalid**, bagi memastikan taman tersebut sentiasa dalam keadaan baik dan terus menjadi tumpuan pelancong, pengoperasian merupakan perkara yang sangat dititikberatkan.

“Bagi pengoperasian perkhidmatan di taman ini, ia diurus selia dan dikendalikan oleh Bahagian Rekreasi dan Operasi Taman, Jabatan Landskap dan Taman PPj. Di antara perkhidmatan yang dikawal selia adalah permohonan sewaan tapak, aktiviti penggambaran, fotografi dan berkelah.

“Namun begitu, bagi tujuan penyelenggaraan taman pula ia diurus selia oleh Bahagian Pengurusan dan Penyelenggaraan Landskap, Jabatan Landskap dan Taman PPj di mana bahagian ini telah melantik kontraktor bagi menguruskan kerja-kerja penyelenggaraan dan pengindahan taman ini.

“Kami juga sangat menitikberatkan kepuasan pelanggan bagi kemudahan fasiliti



serta perkhidmatan taman yang ditawarkan agar pengunjung dan pelanggan berasa selesa dan selamat apabila mereka berkunjung ke taman bagi melakukan aktiviti rekreasi,” katanya.

Tambahnya antara keistimewaan dan keunikan Taman Saujana Hijau adalah landskapnya bercirikan bukit dan tumbuhan-tumbuhan hijau yang unik berbentuk *conical* menjadikannya salah satu lokasi tarikan untuk sesi penggambaran.

“Ia turut dibahagikan kepada tiga zon ataupun bustan iaitu Bustan Eropah, Bustan Oriental, dan Bustan Inggeris. Setiap

taman ini bukan sahaja membawa estetik tertentu malah tumbuhan yang ditanam di setiap bahagian ini akan mencerminkan budaya dan identiti setiap tema serta identiti seni bina wakaf ataupun gazebo yang melambangkan negara seperti Eropah dan China.

“Sebagai contoh di Taman Eropah, pengunjung disajikan dengan kawasan berbukit dikelilingi dengan pokok-pokok *pine* manakala di Taman China terdapat beberapa *Chinese-style pagoda* sementara Taman Inggeris pula dipenuhi dengan pokok *juniper*.

“Berbeza dengan taman lain yang banyak dihiasi pokok-pokok bunga dan tumbuhan tropika, Taman Saujana Hijau pula dipenuhi pokok-pokok *pine* dan *conifer* serta tumbuhan hiasan dari pelbagai rantau yang menjanjikan kelainan kepada pengunjung.

“Ekoran keadaan geografinya yang berbukit pengunjung juga boleh menyaksikan pemandangan Putrajaya dan kawasan sekitarnya dari titik tertinggi di taman ini,” ujarnya.

Kongsinya pokok paling tua atau yang paling awal ditanam adalah pokok *pinus caribaea* yang ditanam pada tahun 2003 dan sebanyak 2,764 nos pokok ditanam di awal pembangunan taman ini.

KAFE KONSEP INGGERIS

BERKONGSI lanjut, Haslinda berkata PPj sentiasa mengadakan pelbagai program dan aktiviti bersesuaian serta memastikan penyelenggaraan taman diselenggara untuk menjadikan ia sentiasa meriah, cantik, bersih dan selesa dikunjungi.

“Salah satu tarikan terbaru yang terdapat di Taman Saujana Hijau ialah laluan *ramp* sepanjang 130 meter yang dibina di antara pokok-pokok *pine*. Pengunjung boleh berjalan melalui *ramp* dan akan disambut dengan simfoni burung-burung berkicau, daun-daun berdesir yang membawa *vibes* seolah-olah berada di Eropah.

“Selain itu, kita juga dalam perancangan untuk membangunkan sebuah kafe yang berkonsepkan *english open space* untuk menarik lebih ramai pengunjung datang ke

Taman Saujana Hijau ini.

“Di samping itu, pihak kami turut akan menyediakan ruang-ruang *photo opportunity* di dalam taman supaya pengunjung dapat merekodkan momen serta kenangan indah mereka berlatarbelakangkan pemandangan yang cantik apabila mereka datang ke sini,” ujarnya.

Haslinda berkata untuk maklumat lanjut berkenaan acara dan aktiviti yang dijalankan di Taman Saujana Hijau, orang ramai boleh layari media sosial PPj @ *perbadananputrajaya* atau di laman sesawang *www.ppj.gov.my*.

“Untuk kadar harga sewaan dan tempahan, orang ramai boleh hubungi di talian **03-8887 7770** atau e-mel di *botani@ppj.gov.my* atau ke kaunter khidmat pelanggan di Taman Botani, Presint 1, Putrajaya,” katanya. 📍

Alamat: Jalan P11, Presint 11, 62000 Putrajaya
Waktu Operasi : 7 pagi hingga 7 malam (setiap hari)





Berjaya tembusi pasaran dalam negara

Jentera penapis air bantu masyarakat

AINI MAWAWI

CABARAN datang silih berganti dalam bidang perniagaan tidak sesekali melunturkan semangat waja usahawan serba boleh yang dikenali sebagai **Datin Noorizan Ithnin**, 49.

Lebih sedekad membina empayar, boleh dikatakan pelbagai cabang perniagaan berbeza-beza telah diceburi yang nyata memberi pengalaman hebat dan bermakna buat anak kelahiran Johor ini.

Ber cerita lanjut kepada *Wilayahku* tentang perjalanan beliau dalam bidang perniagaan, Ketua Pegawai Eksekutif MYG Group Holdings Sdn Bhd ini berkata syarikat tersebut mempunyai beberapa produk antaranya pelancongan, teknologi baharu dalam sistem pendidikan dan sistem penapisan air.

Mengorak mengorak langkah ke hadapan, beliau kini sedang melebarkan

sayap perniagaan dengan membawa masuk produk jentera penapis air mudah alih bagi menembusi pasaran dalam negara.

“Sejujurnya saya terfikir untuk memperkenalkannya kerana bersimpati dengan orang awam di beberapa lokasi dalam negara yang sering kali mengalami gangguan bekalan air.

“Jadi, jentera penapis air ini merupakan salah satu solusi untuk mengatasi masalah tersebut. Setakat ini kita merupakan satu-satunya syarikat yang menawarkan produk tersebut untuk dimanfaatkan oleh 1,000 sehingga 2,000 penduduk terjejas air dalam satu-satu masa,” ujar beliau.

Mengulas lanjut, Noorizan berkata sistem yang telah diguna pakai di beberapa buah negara luar itu berfungsi dengan cara menarik bekalan air daripada laut atau

sungai untuk diproses sehingga selamat untuk diminum seterusnya dibekalkan ke kawasan yang terjejas bekalan.

“Kita gunakan sistem mudah alih di mana jentera tersebut diletakkan di dalam lori dan ia memudahkan perkhidmatan tersebut disalurkan kepada orang awam.

“Bukan sahaja berfungsi untuk membekalkan air tetapi jika sesuatu kawasan tersebut dilanda banjir, jentera tersebut boleh memanfaatkan air banjir dengan memprosesnya kepada air bersih untuk kegunaan harian,” ujarnya.

Tambah beliau, saiz jentera penapis air tersebut bergantung kepada permintaan pelanggan berdasarkan kapasiti mereka yang

memerlukan bekalan air di satu-satu tempat yang terlibat.

“Terdapat banyak rekaan antaranya untuk lori kecil sehingga kepada kontena. Selain itu, kita juga sedang dalam perancangan untuk meletakkannya di dalam bangunan.

“Produk ini bergantung kepada pesanan sahaja dan setiap perkhidmatan yang disediakan akan sentiasa dipantau oleh tim penyelenggaraan dari semasa ke

semasa,” ujarnya.

Noorizan berkata, beliau dalam rangka untuk memperkenalkan jentera penapis air tersebut kepada pihak kementerian untuk diperluaskan ke seluruh negara bagi membantu mereka yang terkesan.

“Kita juga telah pun menerima beberapa pesanan daripada agensi korporat dan individu persendirian yang ingin membantu masyarakat yang berdepan dengan masalah bekalan air,” ujar beliau.

Berkongsi kejayaan pada hari ini, Noorizan berkata lumrah dalam perniagaan, akan diuji dengan jatuh dan bangun tetapi melalui pengalaman itulah yang membuatkan beliau tetap teguh berdiri dan kuat.

“Saya pernah ditipu berkali-kali termasuk sahabat baik sebanyak RM2 juta sehingga hilang semangat namun pada akhirnya saya sudah lali dengan pancaroba dan pasang surut dunia bisnes,” ujar beliau. 📌



Bakul berkat rotan jadi pilihan kenamaan

JIKA masyarakat Baba dan Nyonya berbangga dengan mangkuk tingkat mereka yang berwarna hitam dan merah dihiasi motif naga atau burung cenderawasih, mangkuk tingkat dikenali Bakul Berkat yang dihasilkan Adiguru Kraf Ishak Kassim pula tidak kurang hebatnya dari segi kehalusan anyaman daripada rotan.

Hasil air tangan **Ishak**, 64, bukan sahaja dipamer dan dijual dalam serta luar negara, malah Bakul Berkat pelbagai saiz, lapisan, reka bentuk dan warna itu kini menjadi antara pilihan utama orang kenamaan termasuk istana dan kementerian Malaysia untuk dijadikan tanda mata.

“Bakul Berkat ini hasil inovasi dan cetusan idea dari semasa ke semasa. Apa yang membezakan Bakul Berkat ini dengan yang lain ialah ia menggunakan motif yang secara tulennya berasal dari Melaka dan Malaysia.

“Jadi apabila pelancong atau sesiapa sahaja yang ingin membelinya, mereka akan tahu selain kualiti, produk tersebut membawa identiti asli Malaysia,” katanya.

Menurut Ishak kehalusan, kemasan, kekuatan, saiz dan kombinasi warna produk yang dihasilkan serta anak didik memberi perbezaan ketara kerana kemampuan menggabungkan pelbagai motif tradisional dan geometri kontemporari seperti motif pucuk rebung, siku keluang, mata punai, tulang belut, sisik ikan dan teknik jalinan satu, jalinan dua, jalinan tiga serta teknik kelarai.

Ishak berkata Bakul Berkat itu dihasilkan dalam reka bentuk geometri iaitu bulat, bujur, segi tiga, segi empat, heksagon, oktagon serta bentuk D selain bentuk bijirin, kekacang dan nombor 8.



ISHAK sedang menyiapkan bakul rotan yang ditempah pelanggan.

“Apa yang penting, semua motif yang saya hasilkan berasal dari Melaka dan Malaysia, yang diperolehi selepas melakukan pelbagai penyelidikan bertahun lamanya untuk membezakan motif seni

anyaman rotan kita dengan negara luar,” katanya.

Penerima Anugerah Naib Johan pertandingan bidang kraf anjuran Pertubuhan Pendidikan, Sainifik dan Kebudayaan Pertubuhan

Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO) (Asia Pasifik) pada 2003 itu berkata beliau mahu lebih ramai pelapis berkemahiran tinggi dalam kraf anyaman rotan dapat dilahirkan.

Beliau yang sering menghasilkan prototaip dan melakukan kajian dan pembangunan (R&D) bagi anyaman rotan sejak 1986 hingga kini di bawah Kraftangan Malaysia berkata banyak idea reka bentuk dicetuskan oleh pengusaha produk tersebut dan ia perlu dikembangkan dengan baik.

“Macam saya sendiri, ada 20 hingga 30 reka bentuk yang dibuat sejak dulu dan sampai sekarang tidak dapat dikeluarkan sebab saya rasa masih ada yang perlu ‘dicantikkan’. Menerusi idea dan inovasi semasa, saya akan kembali ketengahankan produk tersebut terutama pada Tahun Melawat Melaka (TMM) 2024 nanti,” katanya. – **BERNAMA**

t.me/wilayahku



IMBAS KOD QR



SERTAI SALURAN TELEGRAM

WILAYAHKU

UNTUK MENDAPATKAN BERITA DAN INFORMASI TERKINI!





PERDANA Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim ketika merasmikan **Majlis Peluncuran Strategi Pembanterasan Rasuah (NACS) 2024-2028** di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC).



TIMBALAN Perdana Menteri, Datuk Seri Fadillah Yusof menyempurnakan **Majlis Pelancaran Inisiatif Solar Peralihan Tenaga Untuk Rakyat atau Solar@PETRA** dan juga **Program Solar BOLEH!** di **Aeon Mall Shah Alam**.



MENTERI di **Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Dr Zaliha Mustafa** hadir pada **Majlis Semarak Aidilfitri** bersama **Media** di **Hotel Royal Chulan Kuala Lumpur**.



MENTERI **Pertahanan, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin** sekitar lawatan ke **ruai Pameran Perkhidmatan Pertahanan Asia (DSA) 2024** dan **Pameran Keselamatan Negara (NATSEC) Asia 2024** di **Pusat Pameran dan Dagangan Antarabangsa Malaysia (MITEC)**.



MENTERI **Belia dan Sukan, Hannah Yeoh** pada **Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU)** antara **Malaysia Aviation Group (MAG)** dan **Kementerian Belia dan Sukan (KBS) Malaysia**.



MENTERI **Komunikasi, Fahmi Fadzil** menyampaikan **watiah penubuhan rasmi Komuniti MADANI** kepada **ketua dan wakil komuniti** di **seluruh negeri Pulau Pinang**.

Suntik semangat untuk terus berdaya saing

Warga YWP teruja bertemu Zaliha

HAZIRAH HALIM

WARGA kerja Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) teruja Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Dr Zaliha Mustafa sudi meluangkan masa hadir pada Majlis Sambutan Aidilfitri YWP baru-baru ini.

Kehadiran beliau juga diraikan ahli-ahli Lembaga Pemegang Amanah dan anak syarikat YWP yang turut meluangkan masa beramah mesra bersama beliau.

Berkongsi perasaan teruja, Eksekutif Muda Seksyen Pendidikan, Jabatan Pembangunan Komuniti YWP (PESAT), **Nur Syazwani Ismail** menyifatkan beliau seorang yang peramah dan mudah didekati.

“Kita semua sedia maklum, sebagai Menteri Wilayah Persekutuan pastinya beliau berdepan dengan kekangan masa namun kesediaan untuk hadir pada majlis ini merupakan penghargaan buat kami,” katanya.

Sementara itu, Pembantu Operasi Syarikat Perumahan Wilayah Persekutuan (SPWP), **Haziq Asnawi Hassan Azhari** pula teruja bertemu figura tersebut buat pertama kali.

“Sebagai salah seorang kakitangan YWP yang berkhidmat di SPWP, saya berasa teruja dapat bertemu dengan beliau dan memberi ucapan suntikan semangat kepada warga kerja YWP.

“Selaku Menteri Wilayah Persekutuan, bagi saya beliau seorang pemimpin yang berkaliber dan sentiasa cakna dengan situasi yang berlaku di ketiga-tiga wilayah ini.

“Jadi, kami terinspirasi dengan keprihatinan beliau sekali gus memberi semangat buat warga YWP untuk terus membantu warga kota yang kurang berkemampuan supaya tidak tercicir,” ujarnya.

Terdahulu, Zaliha buat pertama



ZALIHA (duduk, tengah) ketika hadir pada Majlis Sambutan Aidilfitri YWP di Kompleks Arena Sukan Kuala Lumpur.

kali hadir beramah mesra bersama seluruh warga kerja YWP di Kompleks Arena Sukan Kuala Lumpur.

Ia merupakan kunjungan kali pertama beliau sejak bertukar portfolio daripada Menteri

Kesihatan kepada Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan) pada rombakan Kabinet lalu.

Sebagai rekod, YWP merupakan Syarikat Berhad Menurut Jaminan yang

ditubuhkan pada 9 April 1986 bertujuan untuk membantu menaik taraf hidup golongan berpendapatan rendah dan memerlukan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan. 🇲🇾

SBWP platform suara belia

PROGRAM Sidang Belia Wilayah Persekutuan (SBWP) dilihat sebagai platform buat generasi muda menyuarakan pandangan, cadangan atau kritikan terhadap pelaksanaan dasar sedia ada dan baharu di Wilayah Persekutuan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), **Dr Zaliha Mustafa** berkata SBWP akan mengumpulkan 65 belia dalam lingkungan umur 18 hingga 35 tahun di mana lima peserta mewakili setiap Parlimen di Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan.

“Ia akan dijalankan ala Parlimen dengan membuka peluang kepada golongan belia daripada pelbagai latar belakang. Kalau di Parlimen, kita ada dua blok iaitu kerajaan dan pembangkang, jadi saya rasa itu cadangan yang baik untuk berbuat demikian.

“Mereka yang dipilih akan bersidang untuk membahaskan usul dasar-dasar yang terkait dengan Wilayah Persekutuan melibatkan lima kluster utama iaitu Ekonomi, Sosial, Teknologi, Perundangan dan Dasar serta Alam Sekitar dan Kelestarian Alam,” ujar beliau pada sidang media selepas Majlis Prapelanaran Sidang Belia Wilayah Persekutuan.

Menurut Zaliha, golongan belia adalah komponen atau entiti yang penting memandangkan

populasi mereka di negara ini adalah lebih ramai menghampiri 50 peratus.

“Golongan ini mahu suara mereka didengari, jadi saya rasa sudah tiba masanya mereka ini turut dijadikan komponen utama kepada pembentukan dasar.

“Justeru itu, saya berharap sidang tersebut akan mendapat pandangan, cadangan dan kritikan membina daripada golongan belia terutama terhadap polisi atau dasar yang telah dilaksanakan di Wilayah Persekutuan,” jelasnya.

Permohonan penyertaan sebagai ahli dibuka untuk para

belia bermula 7 Mei hingga 17 Mei melalui laman web <http://sidangbeliawp.my/> dan peserta yang terpilih akan disenarai pendek oleh Jawatankuasa Pemilihan Peserta.

Mesyuarat pertama SBWP akan dilaksanakan pada 12 hingga 15 Julai manakala mesyuarat kedua pula pada 8 hingga 11 November hadapan.

Program tersebut mendapat kerjasama daripada Jabatan Wilayah Persekutuan (JWP), Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Perbadanan Putrajaya (PPj) dan Perbadanan Labuan (PL). 🇲🇾



ZALIHA (tengah) ketika Majlis Prapelanaran Sidang Belia Wilayah Persekutuan.



SAIFUDDIN dan Azizah (tengah) ketika Hari Terbuka Agensi Anti Dadah 2024.

Beri komitmen penuh perangi dadah

MENTERI Dalam Negeri, **Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail** berkata kerajaan pada hari ini akan terus memberi komitmen penuh untuk memerangi dadah yang menjadi musuh utama negara.

“Kementerian Dalam Negeri (KDN) dalam peringkat akhir membuat pindaan Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983 dan bakal dibentangkan pada sidang Dewan Rakyat akan datang.

“Akta ini bertujuan untuk menghapuskan segala kesalahan jenayah berkaitan penyalahgunaan dadah ringan serta mengiktiraf pegawai pemulihan di AADK menentu sahkan sama ada individu tersebut seorang penagih atau tidak.

“Walaupun kami telah menyediakan 30 pusat pemulihan, jumlah klien yang kami telah bantu pulih secara komuniti lebih besar iaitu melebihi 70,000 orang.

“Kerajaan juga akan memberikan seluruh kekuatan dan keupayaan bukan sahaja menjayakan pindaan akta ini

tetapi juga membantu klien Pusat Pemulihan Penagih Narkotik (PUSPEN) bebas daripada najis dadah,” katanya dalam Majlis Perasmian Hari Terbuka Agensi Anti Dadah 2024 di PUSPEN Sungai Besi pada Selasa.

Turut hadir Ahli Parlimen Bandar Tun Razak, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail; Setiausaha Politik Perdana Menteri, Datuk Azman Abidin; Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri, Datuk Rujji Ubi; Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan) AADK, Shobah Jamil.

Pada majlis tersebut, AADK turut melancarkan saluran baharu perkhidmatan rawatan dan pemulihan dadah secara atas talian melalui Hotline Tele-Hello AADK.

Saluran ini diperkenalkan untuk menyediakan advokasi awal, sesi kaunseling, khidmat nasihat dan sebagainya sama ada kepada penagih, keluarga atau komuniti. Orang ramai boleh hubungi di talian **1-800-22-2235** atau **WhatsApp** di **019-626 2233**. 🇲🇾

IRC 2024 platform bincang kawal selia peraturan multimedia

Malaysia rintis kerjasama negara ASEAN



AZLAN ZAMBRY

MALAYSIA berhasrat merintis kerjasama dengan negara serantau di Asean berhubung kawal selia perkhidmatan dalam talian sebagai usaha meningkatkan keselamatan siber.

Menteri Komunikasi, Fahmi Fadzil berkata usaha ini merupakan sebahagian daripada strategi komprehensif Malaysia untuk menangani cabaran era digital, yang menunjukkan komitmen negara untuk memastikan ruang dalam talian yang selamat dan aman untuk semua.

"Industri telekomunikasi terus berkembang, didorong oleh kemajuan teknologi dan perubahan dalam tingkah laku pengguna. Transformasi ini memerlukan evolusi yang sepadan dalam landskap kawal selia yang mengawal sektor tersebut.

"Menjelang 2024, kami menjangkakan gelombang perubahan kawal selia yang ketara yang direka bentuk untuk mencerminkan anjakan teknologi dan masyarakat ini. Menyesuaikan diri dengan perubahan ini akan menjadi penting bagi pemain industri untuk mengekalkan amalan perniagaan yang beretika dan bertanggungjawab," katanya.

Beliau berkata demikian pada ucapan perasmian Persidangan Kawal Selia Antarabangsa (IRC) 2024, di ibu negara pada Isnin.

Hadir sama, Timbalannya, Teo Nie Ching, Ketua Setiausaha Kementerian Komunikasi, Datuk Mohamad Fauzi Md Isa, Timbalan Ketua Polis Negara, Deputy Inspektor General (DIGP) Datuk Seri Ayoob Khan Mydin Pitchay dan Pengerusi Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) Tan Sri Mohamed Salim Fatih Din.

Menurut Fahmi, di peringkat global, kerajaan dan pengawal selia bersedia untuk membentuk semula ekosistem komunikasi dan multimedia.

"Kerajaan menjangkakan pelarasan kawal selia yang akan datang dijangka mempengaruhi dinamik daya saing, meningkatkan perlindungan pengguna dan menetapkan piawaian baharu untuk amalan perniagaan dalam era digital.

"Perubahan ini penting untuk memupuk persekitaran komunikasi dan multimedia yang teguh dan adil," katanya.

Kata Fahmi, input daripada pengawal selia dan pakar dalam

persidangan ini adalah penting untuk memastikan sektor komunikasi dan multimedia terus berkembang maju dan membentuk masa depan di mana ekosistem digital kekal sebagai penggerak untuk ketersambungan dan inovasi.

Menurut Fahmi, Malaysia akan memegang jawatan kepengerusian ASEAN pada 2025 dan akan berusaha untuk menggiatkan forum yang diterajui ASEAN untuk mencapai pencapaian penting.

"Pada 2015, pemimpin ASEAN membayangkan Komuniti ASEAN sebagai satu unit yang "padu dari segi politik, bersepadu dari segi ekonomi, dan bertanggungjawab dari segi sosial," yang direka untuk menangani kedua-dua cabaran dan peluang masa depan.

"Visi ini ditetapkan dengan jangka masa 10 tahun, yang berakhir tahun depan. Memandangkan tempoh ini menghampiri penghujungnya, ia mendorong kita untuk mempertimbangkan apa yang ada pada dekad yang akan datang untuk ASEAN. Apakah strategi dan matlamat yang akan menentukan trajektori masa depan rantau ini?"

"Di ASEAN, visinya adalah untuk komuniti yang aman, stabil, dan berdaya tahan, mampu

bertindak balas terhadap cabaran dengan berkesan, dan diletakkan sebagai rantau yang berpandangan ke luar dalam komuniti global sambil mengekalkan pusat ASEAN," katanya.

Jelasnya, untuk menangani kedua-dua cabaran dan trend semasa dan akan datang dari dalam dan luar rantau ini, Malaysia mencadangkan untuk membangunkan wawasan pasca 2025 yang memberi inspirasi, inklusif dan berpandangan ke hadapan untuk Komuniti ASEAN, yang merangkumi 20 tahun akan datang.

Tambah Fahmi, Malaysia dengan kerjasama negara-negara ASEAN yang lain, akan berusaha untuk mengawal selia yang lebih baik dan bekerjasama rapat sebagai sebuah blok serantau.

Mengangkat tema IRC 2024: Menajarkan Inovasi dengan Keselamatan untuk Masa Depan Mampan, Malaysia berperanan membincangkan persamaan teknologi yang tersedia untuk disamping itu, mendapati terdapat kepentingan untuk menyelidiki selok-belok aspek keselamatan itu sendiri.

Menurut Fahmi, Kerajaan Malaysia berdedikasi untuk

memupuk persekitaran digital yang selamat untuk semua rakyat menerusi pengenalan Rang Undang-Undang Keselamatan Siber (CybersecurityBill) 2024.


"Ia merupakan satu langkah perundangan yang bertujuan untuk mengukuhkan Malaysia dalam rangka kerja keselamatan siber.

"Rang undang-undang ini adalah asas usaha kami untuk melindungi sempadan digital dan melindungi rakyat kami daripada ancaman siber yang muncul," katanya.

Beliau berkata pihaknya juga sudah berada di peringkat akhir untuk memuktamadkan rangka kerja kawal selia untuk platform perkhidmatan dalam talian, terutamanya media sosial dan penyedia pemesejan Internet.

"Setelah dikawal, platform ini akan dikehendaki mematuhi undang-undang Malaysia dan dijangka mematuhi keperluan tingkah laku tertentu.

"Ini termasuk keperluan untuk melindungi individu muda dengan mencadangkan sekatan penggunaan media sosial untuk mereka yang berumur di bawah 13 tahun.

"Langkah ini bertujuan untuk mengurangkan potensi bahaya yang berkaitan dengan pendedahan awal media sosial," katanya. 



Penduduk Kampung Pantai tidak mampu sediakan kos cecah RM50,000

Rayu caj tukar status tanah dikurangkan

KHAIRUL IDIN

PENDUDUK Kampung Pantai di sini merayu kerajaan untuk mengurangkan caj pertukaran status tanah pertanian mereka kepada komersial atau perindustrian.

Menurut Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK) Kampung Pantai, **Ramlan Abidin**, cadangan untuk menukar status tanah yang dimiliki oleh penduduk kampung itu dibuat berdasarkan peluang yang luas jika tanah tersebut di usahakan sebagai kawasan perindustrian.

Katanya, tanah yang diwarisi dari nenek moyang adalah berstatus pertanian dan tidak relevan pada masa ini memandangkan sektor tersebut tidak mendapat sambutan yang baik dalam kalangan penduduk.

"Tanah yang dimiliki berkeluasan kurang daripada satu ekar sahaja. Dengan keluasan tanah yang ada, agak mustahil untuk kami usahakan aktiviti pertanian dan berpandangan untuk menukar kepada status perindustrian supaya ia dapat dimanfaatkan dengan

peluang yang ada.

"Namun untuk menukar status tanah ia memerlukan perbelanjaan yang amat besar dan sebagai orang

kampung, kami tidak mampu untuk menanggung kos itu," katanya kepada *Wilayahku* baru-baru ini.

Beliau yang turut mewakili kira-kira 10 penduduk

kampung menzahirkan harapan agar kerajaan dapat membantu dengan mengurangkan caj pengurusan yang agak membebakan untuk urusan berkenaan bagi meningkatkan ekonomi penduduk kampung.

"Jika diberikan kelonggaran dan peluang, kami sebagai pemilik tanah sentiasa bersedia untuk memberikan kerjasama dengan pihak berwajib.

"Sekiranya kelulusan itu diberikan dengan bersyarat seperti dikenakan kadar dan tarif

(cukai dan utiliti) komersial kami bersedia dan sanggup membayar kerana apabila tanah ini telah bertukar status, maka kami boleh mengusahakan tanah ini dalam pelbagai bentuk perniagaan yang bersesuaian,"katanya.

Sementara itu, **Openg Abidin**, 52, menyatakan cadangan menukar status tanah itu dilihat mampu membawa manfaat kepada ekonomi Labuan dengan kutipan hasil cukai yang akan

meningkat berbanding dengan kadar cukai tanah pertanian

"Secara umumnya penduduk yang mempunyai tanah tidak lagi melihat sektor pertanian sebagai punca pendapatan kerana potensi Labuan adalah kepada perindustrian.

"Jika perkara ini tidak diberikan perhatian, sudah pasti dalam tempoh lima hingga 10 tahun akan datang ramai pemilik

tanah yang juga penduduk asal di sini menjual tanah mereka kepada pihak luar kerana tidak dapat di usahakan.



RAMLAN



OPENG ABIDIN



SALLEH SAWI



OPENG menunjukkan keadaan semasa tanah miliknya yang terbiar.

"Sebelum ini, kami pernah mendapat pelbagai tawaran penyewaan daripada syarikat minyak dan gas, namun ia terhalang disebabkan status tanah. Kami faham dengan peraturan yang ditetapkan oleh kerajaan, namun sebagai penduduk kampung yang rata-ratanya tidak berkemampuan untuk menanggung caj proses tersebut yang melibatkan lebih RM50,000,"katanya.

Bagi **Md Salleh Sawi**, 44, menyifatkan isu yang dihadapi sekian lama setiap kali permohonan untuk menukar status tanah akan terhenti disebabkan caj

pengurusan yang dikenakan amat membebakan.

"Kami tahu dengan akta dan undang-undang yang ada, namun memohon pihak kerajaan memahami keadaan kami kerana kebanyakan penduduk di sini berpendapatan rendah dan terhimpit dengan kos sara hidup yang semakin meningkat.

"Disebabkan status tanah itu, saya mahu membangunkan rumah kediaman juga tidak dibenarkan dan amat sulit untuk membangunkan tanah kami sendiri jika ia masih dalam status tanah pertanian," katanya. 📌

RM2.5 juta naik taraf infrastruktur

KAMPUNG Angkat MADANI Kampung Belukut menerima peruntukkan berjumlah RM2.5 juta dari Kementerian Kewangan (MOF) bagi pelaksanaan pelbagai program dan pembangunan infrastruktur dibawah kelolaan Jabatan Wilayah Persekutuan (JWP).

Ketua Pengarah JWP, **Datuk Noridah Abdul Rahim** berkata Kampung Belukut dipilih sebagai Kampung Angkat MADANI berdasarkan kriteria yang ditetapkan oleh (MOF) iaitu tahap liputan kemudahan asas sedia ada pada kadar 50 peratus yang memerlukan penyelenggaraan dan naik taraf seiring dengan keperluan penduduk.

Katanya, dengan keluasan 38.446 hektar dan jumlah penduduk seramai 600 orang, Kampung Belukut mempunyai potensi yang besar untuk dimajukan.

"Dengan pengiktirafan ini, MOF telah meluluskan peruntukkan bagi melaksanakan projek-projek seperti membaiki pulih jalan kampung, pemasangan lampu jalan serta menaik taraf balai raya secara gotong-royong.

"Selain itu, program bukan fizikal juga turut dilaksanakan untuk menyokong keperluan masyarakat setempat menerusi inisiatif Program Usaha Jaya Insan (PUJI) seperti sesi ramah mesra

dan aktiviti gotong royong bersama komuniti Kampung Belukut," katanya kepada pemberita pada Program Bertemu Mesra bersama Komuniti Kampung Angkat MADANI Kampung Belukut, baru-baru ini.

Pada program itu, Noridah turut menyerahkan sumbangan *one-off* kepada lebih 140 Ketua Isi Rumah (KIR) miskin tegar secara bersasar di kampung itu.

Mengulas lanjut, beliau berkata pemantauan terhadap pelaksanaan program di kampung itu akan dijalankan melalui laporan

kemajuan projek dan program yang dikemukakan kepada Unit Penyelidikan Pelaksanaan (ICU) Jabatan Perdana Menteri melalui sistem pemantauan dan pelaporan Dashboard Kampung Angkat Madani (D-KAT Madani).

"Saya mengharapkan agar pelaksanaan Program Kampung Angkat MADANI dapat membawa manfaat yang besar kepada masyarakat Kampung Belukut serta menjadi model pembangunan yang holistik dan berdaya maju di Wilayah Persekutuan Labuan," katanya. 📌



NORIDAH (kanan) mendengar penerangan daripada Ketua Kampung Belukut, Asmadi Ahmad ketika melawat kampung berkenaan baru-baru ini.



Program Jiwa Madani yang dilaksanakan dengan kerjasama pelbagai pihak merupakan platform terbaik dalam menyatukan masyarakat.

Muafakat tunjang utama perpaduan antara kaum

PENGARAH Jabatan Penerangan Malaysia (JaPen) Labuan, **Azman Sipan** (dua dari kanan) menggesa setiap lapisan masyarakat agar menanam semangat muafakat sebagai tunjang utama bagi membina dan memupuk perpaduan di antara masyarakat khususnya.

Jelasnya Program Jiwa Madani yang dilaksanakan jabatannya menunjukkan kerjasama dan semangat diantara agensi dan masyarakat amat jitu dalam menjalankan pelbagai program kemasyarakatan yang dianjurkan.

"Dengan penganjuran ini, kita dapat menghimpunkan seramai 500 komuniti di sekitar

Labuan termasuk ketua-ketua jabatan dan pemimpin masyarakat untuk bersama-sama turun padang melaksanakan kerja-kerja secara gotong-royong dan ini merupakan satu platform yang baik untuk megeratkan lagi silaturrahim kalangan pemimpin dan masyarakat.

"Selain itu, program ini bertujuan mengeratkan jaringan komunikasi antara masyarakat setempat, agensi kerajaan dan bukan kerajaan untuk saling berhubung dan berkongsi maklumat selain memperkukuh serta membudayakan aktiviti-aktiviti khidmat masyarakat dan kesukarelawan dalam komuniti setempat," katanya. 📌

Kaya sumber makanan serta persekitaran selamat

Wetland Putrajaya habitat kondusif burung

SABRINA SABRE

WETLAND Putrajaya yang mempunyai keluasan seluas 200 hektar merupakan antara komponen penting dalam pembangunan Wilayah Persekutuan Putrajaya.

Menurut Ketua Penolong Pengarah Kanan Bahagian Alam Sekitar, Tasik & Wetland Perbadanan Putrajaya (PPj), **Normaliza Noordin**, selain berfungsi untuk membersihkan kotoran air di Tasik Putrajaya, wetland juga berperanan penting dalam memastikan pencapaian ekosistem perbandaran yang seimbang dengan menambah baik kepelbagaian hidupan akuatik, serangga serta burung.

“Sel Wetland Upper Bisa (UB) yang berkeluasan 23.6 ha di Presint 16 direka bentuk dengan binaan pulau-pulau kecil kini menjadi habitat penting burung-burung liar spesies bangau dan pucong.

“Meskipun lokasinya terletak di tengah pusat bandar yang dikelilingi blok pejabat kerajaan, bangunan komersial pusat membeli-belah Alamanda, Hotel Everly serta kawasan perumahan, lokasi ini tetap menjadi pilihan burung-burung air untuk mendiami, bersarang dan bertelur. Bilangannya juga bertambah semasa musim bertelur.

“Dalam kes-kes tertentu, terdapat juga spesies burung air yang bersarang dan membiak di kawasan UB sepanjang tahun antaranya Pucong Serandau (*Purple Heron*), Pucong Seriap (*Gray Heron*) dan Pucong Kuak (*Black-Crowned Night Heron*),” ujar beliau.



BURUNG Botak Padi antara yang mendiami dan membiak di Wetland UB.

Normaliza berkata faktor utama yang dikenal pasti adalah kerana ekosistem yang sesuai kaya dengan sumber makanan dan persekitarannya yang selamat daripada ancaman pemangsa serta gangguan minima daripada manusia.

“Burung Pucong Kuak mendominasi pulau-pulau ini dengan bilangan sekitar 300 ekor. Diperhatikan juga berlakunya penetasan tiga ekor anak Pucong Serandau dalam satu sarang (biasanya seekor atau dua ekor sahaja) dan kesemuanya berjaya dibesarkan dengan baik.

“Dalam masa sama, spesies

burung lain diperhatikan turut membiak secara bermusim dari Mac hingga Ogos iaitu Burung Botak Padi (*Painted Stork*) dan Bangau Kendi (*Cattle Egret*),” ujarnya.

Tambah Normaliza, pada musim kedatangan burung-burung hijrah dari hemisfera utara, kepadatan burung melampaui 700 ekor pada satu-satu masa.

“Sepanjang tahun 2023, sebanyak 150 ekor Burung Botak Padi induk dan anak ditemui di sini semasa musim bertelur. 70 ekor daripadanya merupakan anak-anak Burung Botak Padi yang menetas manakala spesies Bangau Kendi

pula mencatatkan jumlah sehingga 90 ekor dengan lebih 30 ekor anak-anaknya berjaya menetas dan membesar dengan jayanya.

“Selain itu, spesies Burung Botak Padi atau Upeh Sawah (*Painted Stork*) yang pernah dikategorikan sebagai spesies hampir terancam dalam Senarai Merah Haiwan Terancam Kesatuan Antarabangsa untuk Pemuliharaan Alam Sekitar (*International Union for Conservation of Nature Red List of Threatened Species*) masih menjadikan Tasik dan Wetland sebagai habitatnya sejak tahun 2009,” ujarnya.

Di samping itu, Normaliza

berkata telur Burung Botak Padi dan Bangau Kendi akan mengambil masa selama 20 hingga 30 hari untuk dieram sebelum menetas.

“Setelah menetas, anak-anak burung ini akan dijaga oleh induk selama 50 hingga 60 hari sebelum mereka mula berdikari. Pada ketika ini, musim bertelur di UB baru sahaja bermula. Sehingga April 2024, sebanyak 95 ekor Burung Botak Padi dan 67 ekor Bangau Kendi telah direkodkan hadir. Pemerhatian akan diteruskan sehingga Disember bagi tujuan pengumpulan data bagi tahun 2024.

“Terdapat juga beberapa spesies burung hijau yang singgah semasa musim hijrah pada bulan November hingga Februari antaranya Burung Sambar Dusun (*Asian Brown Flycatcher*), Burung Perling Belakang Ungu (*Daurian Starling*), Burung Pekaka Cit-Cit Kecil (*Common Kingfisher*), Burung Tirjup Padang (*Brown Shrike*), Lang Sawah (*Japanese Sparrowhawk*) dan Bangau Kerbau (*Intermediate Egret*).

“Selain itu, spesies burung Ruak-Ruak (*White-breasted Waterhen*), Punai Gading (*Pink-necked Green Pigeon*), Tekukur (*Spotted Dove*), Merbok (*Peaceful Dove*), Pekaka Dada Putih (*White-throated Kingfisher*), Burung Kuniyit Besar (*Black-necked Oriole*), Murai Kampung (*Oriental-magpie Robin*), Murai Gila (*Pied Fantail*), Tiong Jambul (*Javan Myna*) dan Kelicap Mayang Kelapa (*Brown-throated Sunbird*) juga merupakan sebahagian daripada lebih 50 spesies yang ditemui di sini,” ujar beliau. 

Jejak Seni Bina perkenal bangunan ikonik

PROGRAM Jejak Seni Bina yang diperkenalkan oleh pihak Perbadanan Putrajaya (PPj) menjadi satu lagi tarikan terbaharu di pusat pentadbiran kerajaan itu buat pengunjung dalam mahupun luar negara.

Menurut Pengarah Komunikasi Korporat PPj, **TPr Norzita Abdul Razak**, program tersebut bertujuan mempromosikan laluan Architecture Trails yang diperkenalkan di Putrajaya.

“Laluan ini boleh diterokai dengan menaiki basikal atau berjalan kaki bagi menikmati seni bina ikonik bangunan-bangunan di Putrajaya.

“Kita adakan lawatan berpandu ini dengan konsep berjalan kaki sambil diiringi oleh pemandu pelancong sambilan PPj di mana di setiap lokasi peserta akan diberi penerangan mengenai peristiwa bersejarah dan juga tentang seni bina sesebuah bangunan,” katanya.

Norzita berkata antara objektif lain adalah untuk memberi pendedahan dan pembelajaran mengenai sejarah pembangunan dan seni bina di Putrajaya kepada rakyat Malaysia serta pelancong luar negara dan diadakan secara berkala.

“Selain itu, Program Jejak Seni Bina ini juga merupakan aktiviti yang telah digariskan di dalam Blueprint Pelancongan Putrajaya 2032 yang perlu dilaksanakan setiap tahun.

“Program ini adalah percuma dan peserta akan dibawa oleh pemandu pelancong sambilan PPj yang dilantik oleh pihak perbadanan sendiri di mana mereka ini ditugaskan untuk menjaga Icentre di Dataran Putra, membawa lawatan rasmi dan lawatan Jejak

Seni Bina ini,” ujarnya.

Mengulas lanjut, Norzita berkata Jejak Seni Bina ini telah diadakan sebanyak enam kali sepanjang tahun ini iaitu pada 2, 3, 9 dan 10 Mac lalu di mana laluan yang digunakan adalah bermula di ICentre ke Dataran Putra, Pejabat Perdana Menteri, Masjid Putra, Souq Putrajaya dan berakhir di ICentre semula.

“Sesi seterusnya juga telah diadakan baru-baru ini pada 4 dan 5 Mei di mana laluan yang digunakan bermula di hadapan kompleks PPj, Istana Kehakiman dan berakhir di Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin atau lebih dikenali sebagai Masjid Besi.

“Insyallah untuk program seterusnya akan diadakan pada awal bulan Julai dan promosi


akan dilakukan menerusi portal serta media sosial PPj. Sehingga kini kita mempunyai empat laluan dan untuk setiap sesi laluan yang berbeza akan digunakan kerana itu pihak kami sentiasa mengemas kini dan meneroka laluan lain dari semasa ke semasa.

“Antara lokasi ikonik yang akan dikunjungi adalah seperti Masjid Putra, Jambatan Seri Wawasan, Dataran Gemilang, Istana Kehakiman, Jambatan Seri Gemilang, Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) dan banyak lagi,” katanya.

Tambahnya, program tersebut dibuka kepada semua pelancong dalam mahupun luar negara yang ingin mengetahui lebih lanjut berkaitan seni bina Putrajaya secara percuma dan kesemua peserta hanya perlu berada di *starting point* pada tarikh lawatan diadakan.

“Alhamdulillah kami menerima

respons yang sangat baik daripada orang ramai sejak program tersebut diperkenalkan dan mereka mengharapkan program seperti ini kerap diadakan serta memperluaskan promosi supaya lebih ramai dapat sertai. Pada peringkat awal ini, kami telah menerima kira-kira 60 peserta dari dalam negara dan selepas ini fokus akan diberikan untuk menarik lebih ramai pelancong dari luar.

“Besarnya harapan kami, supaya lebih ramai anak-anak muda dan orang ramai dapat menyertai program seperti ini bagi menambah ilmu pengetahuan dan dapat memberi idea dalam penghasilan ikonik bangunan yang menarik di Malaysia serta secara tidak langsung membuktikan kepada negara luar bahawa Malaysia mampu menzahirkan ikonik bangunan yang menarik dan amat bermakna,” ujarnya. 



NORZITA

Dilabel pesaing terkuat SUKMA

WiPers galas misi besar ke Sarawak

SABRINA SABRE

KONTINJEN Wilayah Persekutuan (WiPers) bertekad untuk berusaha lebih gigih apabila dilabel antara pesaing terkuat oleh kontinjen tuan rumah, Sarawak dalam misi untuk muncul juara keseluruhan pada edisi ke-21 Sukan Malaysia (SUKMA) yang akan berlangsung bermula 17 hingga 24 Ogos ini.

Menurut Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), **Dr Zaliha Mustafa**, beliau amat berbesar hati apabila delegasi dari Sarawak secara terbuka meletakkan kontinjen Wilayah Persekutuan sebagai antara pesaing terkuat tuan rumah.

“Pertama sekali saya ingin merakamkan ucapan tahniah kepada Sarawak yang bakal menganjurkan SUKMA terbesar dengan penganjuran sebanyak 37 jenis sukan dan 488 acara sukan dipertandingkan.

“Kami amat berbesar hati apabila kontinjen Sarawak meletakkan kami sebagai salah satu pesaing terkuat buat Sarawak pada Ogos nanti.

“WiPers akan berusaha sebaik mungkin bagi memastikan matlamat



ZALIHA (tengah) menerima Kunjungan Hormat Delegasi Kerajaan Negeri Sarawak.

kami untuk berada di kedudukan lima terbaik menjadi kenyataan,” katanya selepas menerima Kunjungan Hormat Delegasi SUKMA dan Para SUKMA Sarawak 2024 di pejabatnya baru-baru ini.

Sementara itu, Menteri Belia, Sukan dan Pembangunan Usahawan Sarawak, Datuk Seri Abdul Karim Rahman Hamzah berkata kontinjen Sarawak sedia maklum terhadap

kemampuan Wilayah Persekutuan. “Kita meletakkan WiPers sebagai antara pasukan terkuat bagi Sarawak dalam misi mereka untuk muncul juara keseluruhan,” ujar beliau yang mengetuai kunjungan hormat tersebut beserta Menteri Pembangunan Wanita dan Kanak-kanak Sarawak, Datuk Seri Fatimah Abdullah. Turut hadir Timbalan Menteri

Pembangunan Wanita dan Kanak-kanak Sarawak, Datuk Mohammad Razi Sitam dan juga Timbalan Menteri Belia, Sukan dan Pembangunan Usahawan Sarawak, Datuk Gerald Rentap Jabu; Pengerusi Majlis Sukan Wilayah Persekutuan (MSWP), Datuk Mohd Nasir Ali; Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan & Ekonomi) Jabatan Wilayah Persekutuan,

Datuk Parang Abai @ Thomas dan juga Pengarah MSWP, Nik Ahmad Zahiruddin Nik Saleh.

Kontinjen WiPers kini sedang dalam fasa ketiga iaitu fasa akhir persiapan menghadapi SUKMA ke-21 dengan kemuncaknya adalah pelaksanaan Kem Latihan Pusat Kontinjen Wilayah Persekutuan yang bakal diadakan pada 29 hingga 31 Mei ini.

Dalam masa sama, kontinjen WiPers juga menyenaraikan sebanyak 1,016 atlet dalam senarai panjang untuk turut serta dalam kesemua 37 jenis sukan yang dipertandingkan pada SUKMA kali ini.

Sementara itu, satu Retreat SUKMA akan diadakan pada Jun 2024 bagi menetapkan sasaran akhir sebelum senarai akhir atlet Wilayah Persekutuan diputuskan pada Julai ini.

Untuk rekod, kontinjen Wilayah Persekutuan menduduki tempat ketiga pada SUKMA XX MSN 2022 dengan merangkul sebanyak 55 pingat emas, 69 perak dan 65 gangsa di belakang Johor dan Terengganu. 📌

FAM tingkat kawalan keselamatan

PERSATUAN Bolasepak Malaysia (FAM) akan memastikan kawalan keselamatan terhadap barisan pemain kebangsaan dipertingkatkan sepanjang tugas rasmi bersama skuad Harimau Malaya.

Menurut Presiden FAM, **Datuk Hamidin Mohd Amin**, kawalan keselamatan itu merangkumi ketika kem latihan pusat dan perjalanan sewaktu hari perlawanan di dalam mahupun luar negara.

“Ia sebagai langkah memastikan keselamatan para pemain berada pada tahap optimum berikutan serangan jenayah melibatkan dua pemain kebangsaan iaitu Muhammad Akhyar Abdul Rashid dan Mohamad Faisal Abdul Halim yang berlaku baru-baru ini.

“Kami sudah maklumkan kepada pegawai polis yang bertanggungjawab jaga pasukan semasa tugas pasukan kebangsaan untuk betul-betul peka dengan pergerakan pemain. Tidak kira di dalam ataupun luar negara, perkara itu mesti jadi keutamaan.

“Perkara sama juga perlu dilakukan semasa kem latihan pusat. Selama ini memang kita ada pegawai polis yang menjaga pasukan tetapi mungkin kita perlukan lebih lagi selepas ini,” ujar beliau.

Mengenai insiden yang melanda dua pemain kebangsaan itu, Hamidin enggan



SELURUH warga Malaysia mendoakan kesejahteraan kedua-dua pemain itu.

membuat sebarang spekulasi termasuk kemungkinan terdapat unsur penglibatan sindiket mengatur perlawanan.

“Saya tidak pasti adakah ia secara kebetulan ataupun terancang. Perkara ini di luar pengetahuan saya. Saya kesal dengan apa yang berlaku,” kata Hamidin yang juga Ahli Majlis Persekutuan

Bolasepak Antarabangsa (FIFA). Mengulas perkembangan Faisal

Halim, beliau berkata pemain Selangor FC itu bakal terlepas baki dua perlawanan Kumpulan D pusingan kedua Kelayakan Piala Dunia 2026/Piala Asia 2027 menentang Kyrgyzstan dan Taiwan pada awal Jun ini.

“Berdasarkan lawatan dan maklumat yang saya terima, Faisal Halim mungkin memerlukan sekurang-kurangnya dua hingga tiga bulan untuk pulih,” ujarnya.

Pada 5 Mei lalu, arena bola sepak tempatan dikejutkan dengan insiden pemain kebangsaan cedera dipercayai disimbah asid. 📌

KBS kenal pasti lokasi velodrom

KEMENTERIAN Belia dan Sukan (KBS) masih mengenal pasti lokasi sesuai bagi membangunkan velodrom terbuka yang mudah diakses sebagai kegunaan awam untuk pelaburan jangka panjang pembangunan bakat muda di Malaysia.

Menterinya, **Hannah Yeoh** berkata ini kerana sukan berkenaan merupakan antara yang menyerlah serta menyumbang pingat di kejohanan dalam dan luar negara.

“Untuk berbasikal trek ini apa yang saya nak usahakan sekarang adalah fasiliti di mana pembangunan bakat itu boleh berlaku. Contohnya sekarang pelajar di Lembah Klang tetapi velodrom di Nilai.

“Tetapi kalau pelajar sekolah sekarang di Lembah Klang mereka nak sertai sukan ini tak ada tempat nak pergi. Itu yang saya sedang usahakan dekat KBS untuk kita ada velodrom terbuka,” katanya selepas Majlis Anugerah Bina Badan Enrich 2024 baru-baru ini.

Pada 9 Mac lepas, KBS memaklumkan sudah memulakan perbincangan

dengan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) untuk meneliti kawasan sesuai bagi pembinaan velodrom terbuka untuk kegunaan awam.

Sementara itu, Hannah berkata jawatankuasa Road To Gold (RTG) akan mengadakan perbincangan dalam masa terdekat mengenai pertimbangan kemasukan pelumba trek wanita negara, Nurul Izzah Izzati Mohd Asri dalam Program Fast Track di bawah inisiatif berkenaan selepas layak ke Sukan Olimpik Paris 2024.

Hannah berkata Ketua Jurulatih berbasikal trek kebangsaan, John Beasley memuji potensi dimiliki pelumba berusia 21 tahun itu serta berharap kehadiran atlet muda menjadikan Malaysia tidak terlampau bergantung kepada kehebatan jaguh berbasikal trek negara, Datuk Mohd Azizulhasni Awang.

Terdahulu, KBS memberi suntikan dana menerusi peruntukan menteri sebanyak RM20,000 kepada Kelab Bina Badan Enrich untuk terus mengangkat martabat sukan berkenaan di sekitar Lembah Klang. 📌

Raikan perbezaan demi perpaduan

DEEL ANJER

PERPADUAN dalam sesebuah negara adalah aset utama menjayakan pembentukan masyarakat dan negara MADANI yang sedang diusahakan kerajaan hari ini.

Memandangkan perpaduan adalah aset dan kunci utama kejayaan dan kehidupan rakyat, maka masing-masing perlu sedar akan peranan dan tanggungjawab.

Malah golongan artis yang mempunyai pengikut tersendiri terutamanya di laman sosial juga jelas dengan keadaan ini serta tidak terkecuali berusaha menyemarakkan agenda perpaduan yang juga dituntut dalam Islam.

Islam anjur berkasih sayang

PENYANYI Aiman Tino

merupakan antara artis yang sentiasa mengingatkan peminat atau netizen dalam media sosial agar sentiasa berpesan kepada kebaikan.

Bagi pelantun lagu Ku Rela Dibenci ini, peperangan dalam media sosial hanya merugikan dan boleh mengakibatkan terhakisnya nilai perpaduan yang menjadi tunggak negara.

“Bukan sahaja kerajaan, malah agama Islam amat menuntut agar menjaga hubungan dengan Allah SWT dan sesama manusia tanpa mengira kaum.

“Untuk menjaga perpaduan ini, kita perlu pelihara

hubungan baik bagi menjamin keharmonian dalam hidup bermasyarakat. Nabi Muhammad SAW banyak memberi teladan dalam bab menjaga hubungan hingga orang yang membenci Islam juga mengakui keperibadian Baginda dalam melayani mereka ketika menyebarkan ajaran Islam.

“Pendek kata, apabila sebut pasal perpaduan ini, Islam menekankan kasih sayang dan perdamaian. Tidak kiralah secara fizikal atau dalam media sosial, kita harus jaga perpaduan.

“Seperti mana yang kita semua tahu, ada yang suka mengecam atau menimbulkan provokasi sehingga boleh menggugat hubungan sesama kita. Walaupun kita tak tahu siapakah orang atau netizen di sebalik nama dalam media sosial itu, tetapi apa yang ditulis boleh memberi kesan kepada yang membaca,” katanya. Tambahnya tidak ada manusia yang sempurna, baik buruk komen atau pendapat dalam media sosial harus diraikan serta diterima dengan berlapang dada.

“Agama kita mengajar agar berlapang dada dan belajar menerima kenyataan dalam semua perkara termasuk dalam berpolitik hingga tidak boleh terlalu berlebihan dan lupa adab sebagai Muslim.

“Adab yang saya maksudkan ini termasuklah ketika menggunakan media sosial. Perbezaan pendapat lumrah dalam kehidupan kerana Allah SWT menciptakan manusia dengan akal fikiran berbeza.

“Saya berharap mereka yang mempunyai perbezaan pendapat atau fahaman politik, ketepikan. Biar kita bersatu demi negara,” katanya. 🗨️



Jangan kita berpecah

PELAKON drama bersiri 7 Hari Mencintaimu, **Shukri Yahaya** menegaskan tidak ada untungnya jika saling bergaduh sesama sendiri hanya kerana tidak sependapat dalam fahaman politik.

Bagi pelakon ini, perbezaan pendapat adalah lumrah dalam kehidupan yang tidak seharusnya dijadikan ‘kudis’ dalam perpaduan.

“Berbeza pendapat itu perkara biasa. Dalam keluarga pun, kita adik-beradik pun ada pendapat berbeza. Perbezaan itu hanyalah pendapat, tetapi tidaklah sampai putus hubungan.

“Begitu juga kita berbeza pendapat dalam media sosial mengenai apa sahaja isu. Kenapa sampai nak bergaduh atau ‘berperang’ dalam platform itu yang akan disaksikan ramai netizen lain.

“Jangan kita berpecah hanya kerana perbezaan fahaman, sebaliknya, kita mesti terus memperkukuh hubungan silaturahim kerana perbalahan atau tiada persefahaman tidak boleh menyelesaikan apa-apa masalah,” ujarnya.

Tambahnya dia juga tidak bersetuju dengan pendapat segelintir netizen yang memandang remeh terhadap pergaduhan dalam media sosial.

“Tak kisahlah secara berhadapan atau dalam media sosial, adab itu kena jaga. Bahasa itu melambangkan siapa kita.

“Sebenarnya tulisan atau komen dalam media sosial itu lebih bahaya kerana boleh mengundang fitnah sekali gus menimbulkan pandangan yang negatif,” ujarnya.

Katanya, tidak salah untuk menegur atau

memberi kritikan membina kerana teguran itu penting.

“Perlu saling menegur dan memberi nasihat. Namun biarlah cara yang betul. Ada adabnya kalau nak menegur. Mengkritik dengan cara beradab secara tak langsung menunjukkan kita sesama manusia mahukan yang terbaik,” tambahnya lagi. 🗨️



Hentikan perbalahan media sosial

BAGI pelakon **Sharifah Rose** sesiapa sahaja yang berbeza pendapat diharapkan tidak membuat provokasi dalam media sosial kerana platform tersebut perlu digunakan secara bijak.

“Apa yang kita boleh lihat sekarang ialah perang pendapat dalam pelbagai platform media sosial. Apa sahaja isu yang dikupas, mustahillah untuk semua orang mempunyai pendapat yang

sama.

“Perbezaan pendapat itu perkara biasa. Janganlah ada yang cuba membuat provokasi sehingga ia menjadi perbalahan. Kalau boleh hentikan kerana ia tidak memberi apa-apa faedah pun.

“Jangan ada rasa aku menang sebab boleh berperang sesama sendiri mengeluarkan pendapat. Hakikatnya, tiada apa pun yang dapat dimanfaatkan.

“Perbuatan sia-sia ini hanya menjejaskan hubungan seterusnya mengancam perpaduan dalam negara yang telah sekian lama terbina,” katanya.

Rose juga berharap masyarakat lebih memikirkan cara untuk meningkatkan prestasi diri dan sentiasa positif dalam apa jua keadaan.

“Dalam keadaan ekonomi yang kurang memberangsangkan membuatkan ramai terjejas. Rasanya lebih baik berusaha memperbaiki kehidupan daripada menimbulkan provokasi dalam media sosial.

“Kalau ada isu yang memerlukan pendapat kita sebagai netizen, tidak salah untuk berbuat demikian tapi biarlah komen yang membina bukannya menghina atau menimbulkan perbalahan,” ujarnya lagi. 🗨️





WILAYAHKU

● BIL 261 ● 10 - 16 MEI 2024 ● PP19441/12/2018 (035014)



WiPers galas misi
besar ke Sarawak

▶▶ 22

Tertinggal rukun haji

Jemaah bakal berdepan masalah besar

SYED HAZIQUE

HAJI adalah salah satu daripada lima Rukun Islam. Ia wajib bagi mereka yang mampu namun bukanlah diukur atas dasar kewangan semata-mata tetapi merangkumi kemampuan kesihatan, mental mahupun fizikal.

Allah SWT berfirman di dalam surah Ali-Imran, ayat 97 yang bermaksud:

“Mengerjakan haji adalah kewajiban manusia terhadap Allah, iaitu (bagi) orang yang sanggup mengadakan perjalanan ke Baitullah. Barang siapa mengingkari (kewajiban haji), maka sesungguhnya Allah Maha Kaya (tidak memerlukan sesuatu) daripada semesta alam.”

Dalam satu hadis yang dicatatkan oleh Abu Hurairah RA berkata: “Aku mendengar Nabi SAW bersabda:

“Barang siapa melaksanakan haji semata-mata kerana Allah, lalu dia tidak menuturkan (perkataan) keji dan tidak melakukan fasiq (keluar dari ketaatan), dia akan kembali kepada keadaannya seperti baru dilahirkan oleh ibunya (bersih daripada dosa).”

Mengulas lanjut tentang ibadah tersebut, pendakwah bebas, Shahrin Abd Rahman berkata terdapat enam rukun haji yang wajib dipatuhi oleh umat Islam dan jika tidak melakukan rukun tersebut maka terbatal atau tidak



WUKUF di Arafah merupakan salah satu rukun haji. - Gambar hiasan

sah haji seseorang itu.

“Enam rukun tersebut adalah niat ihram haji, wukuf di Arafah, tawaf, sa’ie, bercukur atau bergunting dan tertib di dalam kebanyakan rukunnya.

“Rukun adalah penentu sah atau tidaknya haji. Seseorang yang pulang dalam keadaan tertinggal satu rukun dalam ihram, maka orang tersebut masih dikira dalam keadaan ihram dan haram baginya melanggar pantang larang ihram.

“Barangsiapa yang tidak mengerjakan rukun-rukunnya, maka hajinya tidak sah.

Barangsiapa ketinggalan hadir di Padang Arafah pada malam 10 Zulhijjah, maka dia telah tertinggal hajinya. Maka dia hendaklah mengerjakan umrah dan wajib qada hajinya pada tahun berikutnya,” katanya ketika dihubungi.

Tambah Shahrin, rukun haji apabila ditinggalkan, tidak dapat

diganti dengan dam atau denda berupa menyembelih haiwan ternak.

“Disebabkan itu amat penting bagi para jemaah untuk menunaikan dan melaksanakan segala rukun yang telah ditetapkan ini. Jangan mengambil sikap sambil lewa terhadap perkara-perkara tersebut,” ujarnya.

Jelasnya lagi, ada beberapa situasi yang lebih memburukkan keadaan seperti perkahwinan yang tidak sah sehingga melahirkan anak tidak sah taraf jika berlakunya keadaan tidak menyempurnakan rukun haji tersebut.

“Jika seseorang yang tertinggal rukun haji dan pulang ke tanah air dalam keadaan dia tahu bahawa dia masih dalam ihram, jika dia berkahwin maka perkahwinannya tidak sah dan anaknya adalah anak tidak sah taraf melainkan jika dia jahil.

“Jika dia jahil, anaknya sah taraf dan jika dia sedar yang dia masih dalam ihram kerana tertinggal rukun haji maka pernikahannya hendaklah dibubarkan sehingga dia selesai menggantikan rukun yang tertinggal pada haji tahun hadapan. Setelah itu bolehlah dia berkahwin semula,” katanya.

Sementara itu, menurut Shahrin, rukun haji dan wajib haji adalah dua perkara yang berbeza.

“Wajib haji ialah pekerjaan

yang wajib dilakukan ketika mengerjakan haji. Jika tidak mengerjakan salah satu daripadanya haji tersebut tetap sah tetapi dikenakan dam menurut syarat-syaratnya dan menanggung dosa jika meninggalkan perkara tersebut dengan sengaja,” ujarnya.

Enam perkara wajib haji adalah niat di Miqat; larangan ihram; bermalam (mabit) di Muzdalifah; melontar Jamrah Kubra pada 10 Zulhijjah; bermalam (mabit) di Mina 11, 12 dan 13 Zulhijjah serta melontar ketiga-tiga Jamrah pada 11, 12 dan 13 Zulhijjah.

Tegas Shahrin, kesimpulannya setiap ibadah yang dilaksanakan wajib mengikut rukun bagi mengelak tidak sah sesuatu ibadah tersebut.

“Di dalam Islam, setiap ibadah yang dilaksanakan haruslah mengikut rukun-rukun dan syarat-syarat yang telah ditetapkan. Ini kerana, rukun adalah tulang belakang kepada sesuatu ibadah. Tanpa rukun maka tidak sahlah sesuatu ibadat tersebut.

“Sebelum seseorang hendak menunaikan haji harus baginya mempelajari bab haji atau dalam bahasa yang mudah ialah kena ada ilmu tentang haji terutama dalam penjagaan rukun haji kerana bila tertinggal salah satu daripadanya maka hajinya tidak sah,” tegasnya.



ISU BESAR

Bakal Tiba.....